

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kelas: 75 N/1
No Perolehan: T0305
Tarikh: 12/12/75

PENGISIAN

Saya mengambil kesempatan kali ini untuk menyatakan silang antara **INTEGRASI DAN ASSIMILASI DIKALANGAN**

bentuk kepada Para Masyarakat Berketurunan Thailand yang bertahan di dalam kalangan Masyarakat

MASYARAKAT BERKETURUNAN THAI

kepadanya dalam menyadarkan Latihan Ilmiah ini.

DI KEDAH

Saya juga akan berhatang buat kepadanya Para Guru Besar dan Pakar
Pembangunan Negeri, Tok Penghulu Mukim, Ketua Kampung Negeri dan ahli
Tan Seterikong di atas kerjasama mereka.

Adik emali angin juga saya menyatakan penghargaan kepadanya kepada
Bapak, Ramai-ramai dari Pejabat dan **LATIHAN ILMIAH** semipada latihan ilmiah
ini.

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Oleh:

No. Matrik. 20863

Universiti Malaya

November 1975

NO. MATRIX 20863

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

NOVEMBER 1975

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Mazidah Zakaria diatas bantuan yang diberikan beliau kepada saya dalam menyediakan latihan ilmiah ini.

Saya juga rasa terhutang budi kepada Tuan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Naka, Tok Penghulu Mukim, Ketua Kampung Naka dan Encik Van Suraphong di atas kerjasama mereka.

Akhir sekali ingin juga saya menyatakan penghargaan saya kepada Sri. Shamsiah dari Pejabat Ansos yang tolong menaipkan latihan ilmiah ini.

Integriti dalam Bidang Sosial

i. Sifaran Tempat Tinggal	21
ii. Pelajaran	22
iii. Aktiviti-Aktiviti Sosial	23
iv. Sekolah	26
v. Majlis Perkembangan dan Perayana...	31

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

No. Matrik 20863

Universiti Malaya,

November 1975

i. Sosision Nasional...	25
ii. Orang Thai dan Assimilasi Politik	38
iii. Tumbuh Singapura Malaysia	44
iv. Rumah...	46

B. Jelajah Sosial

i. Pelajaran	48
ii. Pinjaman Meningkat...	49
iii. Historia Penduduk...	51
iv. Keputusan	53

I S I K A N D U N G A N

		<u>Muka Surat</u>
BAB 1		
i.	Pengenalan	4
ii.	Latarbelakang Tempat Secara Ringkas	8
iii.	Sedikit Mengenai Masyarakat Thai di Malaysia	9
BAB 2		
<u>Tiori Integrasi dan Assmilasi</u>		59
i.	Integrasi	13
ii.	Assmilasi	18
BAB 3		
<u>Integrasi dalam Bidang Sosial</u>		69
i.	Sibaran Tempat Tinggal ...	21
ii.	Pelajaran	23
iii.	Aktiviti-Aktiviti Sosial ...	28
iv.	Sukan	30
v.	Majlis Perkahwinan dan Perayaan... ...	31
BAB 4		
<u>Integrasi Di Bidang Politik dan Ekonomi</u>		89 - 99
A. <u>Integrasi Politik</u>		
i.	Parti Politik	35
ii.	Barisan Nasional... ...	38
iii.	Orang Thai dan Assmilasi Politik	39
iv.	Tanah Simpanan Melayu ...	44
v.	Rumusan	46
B. <u>Integrasi Ekonomi</u>		
i.	Pekerjaan	48
ii.	Pinjam Meminjam	49
iii.	Sistem Berderau	51
iv.	Rumusan	52

BAB 5**Assmilasi di Bidang Kebudayaan**

A. Bahasa	54
------------------	-----------

B. Sistem Kepercayaan

i. Ugama	56
ii. Majik/Kebomohan	65
iii. Folkways dan Moras	66
iv. Semangat Padi	66
v. Perbidanan	67
vi. Kepercayaan Terhadap Penunggu	68

C. Sistem Kekeluargaan	69
-------------------------------	-----------

i. Perkahwinan	69
ii. Sistem Perwarisan	73

D. Hiburan

i. Manora	74
ii. Wayang Kulit	77
iii. Silat "Thai"	79
iv. Ramvong	80

BAB 6

Kesimpulan	85
-------------------	-----------


i. Ugama bukan Punca Konflik	...	86
ii. Implikasi Kajian terhadap Masyarakat Malaysia	...	89

BIBLIOGRAFI	98 - 99
--------------------	----------------

SOALSELIDIK UNTUK KAJIAN	100
---------------------------------	------------

GAMBAR-GAMBAR	82, 83, 84
----------------------	-------------------


PETA I



KEDAH


PETA 2

PEKAN NAKA - SIBARAN PERKAMPUNGAN



PETA 3

PEKAN NAKA - SIBARAN PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN ETNIK.



BAB 1

sistem sosial yang terpadu, perlu berjaya dengan tradisi, budaya dan adat yang mereka miliki sebagai satu komponen hasil

I. Tujuan Kajian

Penulisan bercorak sosiologikal dan antropologikal mengenai perhubungan ras di negara ini kebanyakannya terbatas kepada kumpulan-kumpulan majoriti. Sangat sedikit terdapat kajian-kajian terhadap kaum minoriti dan kalau adapun terhad kepada puak-puak orang asli seperti Senoi, Semang dan Temuan.

Tujuan penulisan kajian ilmiah ini ialah untuk membuat satu tinjauan secara mendalam keatas satu kumpulan minoriti yang tinggal di bahagian utara negara ini iaitu kumpulan orang-orang yang berketurunan Thai. Istilah "minoriti" di sini digunakan untuk merujuk kepada kumpulan yang bilangannya kecil yang merupakan "subgroup within a culture which is distinguishable from the dominant group in power by reason of differences in physical feature, language, customs or cultural patterns". (Goulb & Kolb, 1964). Ciri-ciri yang dijadikan ukuran dalam definasi konsep minoriti ialah saiz kumpulan, bentuk fizikal, bahasa, adat resam dan pola-pola kabudayaan. Dengan itu memang tepat bagi orang-orang Thai yang dikaji ini digulongkan kedalam kategori kumpulan minoriti sebagai penduduk Malaysia.

Di dalam kajian ini akan ditinjau pola-pola kebudayaan, ekonomi dan politik orang-orang Thai dan hubungan mereka dengan pola-pola kelakuan kumpulan dominant iaitu orang-orang Melayu. Seperti

kelompok-kelompok etnik lain di negara ini orang-orang Thai mempunyai sistem sosial yang tersendiri. Mereka megah dengan tradisi, kebudayaan dan fahaman yang mereka anuti. Akan tetapi sebagai satu komponen kecil di dalam masyarakat yang besar mereka tidak dapat mengelak daripada melalui proses integrasi dan assimilasi. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk menyelidik sejauh manakah mereka telah mengalami proses-proses ini dan sejauh manakah mereka dapat mempertahankan unsur-unsur tradisi, kebudayaan dan cara hidup yang asal itu. Juga akan dikaji faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi proses integrasi dan assimilasi dikalangan orang-orang Thai ini.

Hipotisis

Berdasarkan tujuan dan bidang kajian yang dibincangkan di atas

dapat dikemukakan dua hipotisis dan hipotisis ini akan diuji melalui penganalisaan bahan-bahan dan data-data yang diperolehi. Hipotisis-hipotisis ini ialah:

1. Integrasi sosial berlaku oleh kerana kesamaan keadaan dan kedudukan sosial, ekonomi dan politik diantara kumpulan-kumpulan yang berlainan latarbelakang etnik.
2. Kebudayaan 'material' lebih cepat diassimilasikan daripada kebudayaan 'non-material'.

Metode Kajian

Untuk mendapatkan bahan-bahan dan data-data bagi kajian ilmiah ini tiga cara penting digunakan. Metode-metode tersebut ialah

1. "Participant Observation"
2. Survey
3. Penyelidikan di khutub khanah

Metode "Participant Observation" adalah satu cara yang popular dikalangan ahli-ahli antropologi sosial dalam mendapatkan bahan-bahan untuk kajian. Penggunaan metode ini adalah penting terutamanya dalam menjalankan kajian keatas sesuatu masyarakat yang tidak dikenali oleh pengkaji dan dimana tidak terdapat rekod-rekod bertulis atau dokumen-dokumen lain mengenai masyarakat dan tempat kajian itu.

Bagi tujuan latihan ilmiah ini penulis telah tinggal lebih dari sebulan di Pekan Naka, Kedah, iaitu tempat dimana kajian ini dilakukan. Dengan menyertai dalam kegiatan harian masyarakat di sini penulis telah dapat gambaran secara am tentang pola-pola kelakuan anggota-anggota masyarakat itu.

Selain dari pemerhatian sendiri secara langsung ini banyak data telah diperolehi melalui survey yang dibuat. Menerusi cara ini satu tinjauan dibuat keatas anggota-anggota masyarakat itu untuk mengetahui sikap, pandangan dan lain-lain hal yang bersangkutan dengan kehidupan mereka. Data dapat dikumpul dari hasil temuduga dengan sekumpulan individu yang dipilih secara random. Soal-selidik juga digunakan terutamanya dimana anggota-anggota masyarakat itu tahu menulis dan membaca. Soalan-soalan dalam soal-selidik ini disusun dan dikemukakan dengan cara yang mudah difahami. Ini ialah untuk mengelakkan dari kemungkinan soalan-soalan itu salah diinterpretasikan. Soalan ini

merangkumi dari hal-hal latarbelakang peribadi seseorang hingga kepada perkara-perkara yang rumit seperti pandangan dan sikap seseorang terhadap kumpulan etnik lain, institusi-institusi dan kerajaan Malaysia.

Untuk bahan-bahan mengenai sejarah dan kebudayaan tempat itu bantuan dari pihak-pihak terkena tempatan dipinta. Diantara mereka ialah Tok Penghulu, Tuan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Naka, Ketua-Ketua kaum, Ketua Sami Buddha dan setengah orang-orang tua.

Akhir sekali, tidak dapat dinafikan bahawa banyak bahan kajian telah didapati dari penyelidikan di khutub khanah atau "Library Research". Rujukan pada buku-buku, jurnal dan kertaskerja dibuat untuk mendapatkan beberapa "established facts" berkenaan dengan teori-teori dan konsep-konsep sosiologi.

Masaalah Kajian

Selain dari beberapa kesulitan teknikal tidak terdapat banyak masaalah disepanjang kajian ini. Satu masaalah yang dialami ialah berkenaan dengan soal-soal selidik. Ada diantara responden yang ditemui itu tidak tahu menulis. Dalam hal seperti ini masa yang lebih panjang digunakan untuk mendapatkan jawapan yang tepat dari mereka.

Ada diantara responden itu pula ragu-ragu untuk menjawab setengah-setengah soalan. Hal demikian berlaku terutamanya dikalangan orang-orang Thai dalam soal-soal yang agak sensitif seperti sikap mereka terhadap kerajaan dan sebagainya. Perlu diingat bahawa kawasan yang dikaji ini pernah menjadi "Kawasan Hitam" semasa Darurat (1948 - 1960).

Perasaan takut bahawa mereka akan dicap sebagai 'anti-nasional' sekiranya menyuarakan sesuatu yang kurang baik terhadap kerajaan masih ada sungguhpun keadaan telah lama pulih seperti sediakala. Begitu juga dengan soalan-soalan seperti samada mereka masih taat kepada negeri Thai, bumi asal nenek moyang mereka. Dalam hal sedemikian jawapan diperolehi secara tidak langsung dari perbualan dengan mereka.

Pada keseluruhannya pengumpulan data tidak begitu menimbulkan masalah - kajian menjadi lebih senang dengan kerjasama yang baik yang diberikan kepada penulis oleh semua pihak yang berkenaan.

II. Latarbelakang Tempat Secara Ringkas

Kajian ilmiah ini dibuat di Pekan Naka yang terletak lebih kurang 20 batu dari ibu negeri Kedah, Alor Star. Tempat ini merupakan sebuah pekan kecil yang mempunyai penduduk lebih kurang 3,000 orang. Peta A menunjukkan sebaran kawasan perkempungan disekitar pekan ini.

Pengaruh Siam yang kuat keatas wilayah-wilayah di utara Semenanjung Malaysia dapat dilihat dari hakikat bahawa banyaknya terdapat nama-nama tempat yang berunsur Thai. Pekan Changloon, Kodiang dan Jitra semuanya dinamakan mengikut Bahasa Thai dan dikaitkan dengan dongeng Thai. Changloon bermaksud "gajah jatuh", Kodiang bermaksud "bukit merah" dan Jitra bermaksud "sempadan".

Tempat dimana kajian ini dijalankan juga ada kaitan dengan pengaruh Thai. Nama "Naka" sebenarnya terjelma dari perkataan Thai "Na" yang bermaksud sawah dan "Ka" yang bermaksud lengkuas. Kononnya,

pada masa dulu tempat ini merupakan kawasan sawah yang dipenuhi dengan pokok lengkuas. Maka orang yang mula menerokanya menamakan saja tempat ini sebagai Naka.

Kebanyakan dari penduduk-penduduk di sini terdiri dari orang Melayu dan orang Thai. Kumpulan orang Melayu merupakan kumpulan etnik yang terbesar sekali dan juga merupakan golongan yang "dominant" dalam masyarakat ini. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan Kampung Melayu, Kampung Pong dan disekitar kawasan pekan. Mereka semua berugama Islam. Sebaliknya hampir semua orang Thai adalah berugama Buddha Mazhab Therrawadda.

Dari segi ekonomi, kebanyakan anggota masyarakat di sini adalah terdiri dari petani-petani dan penoreh-penoreh getah. Hanya sedikit saja yang bekerja di bidang-bidang lain seperti guru, peniaga atau buruh kasar. Anggaran pendapatan mereka adalah diantara \$100/- hingga \$200/- sebulan.

III. Sedikit Mengenai Masyarakat Thai di Malaysia

Apabila disebut perkataan 'Thai' kebanyakan orang akan mengalihkan perhatian mereka kepada sebuah negara yang dikenali sebagai Thailand. Sedikit orang, bahkan dikalangan setengah pemimpin-pemimpin di Malaysia ini sendiri, mengetahui akan ujudnya satu komuniti orang-orang Thai di negara ini. Sebagai satu golongan minoriti mereka sebenarnya telah lama ujud di negara ini terutamanya di negeri-negeri bahagian utara seperti Kedah, Kelantan dan Perlis.

Tarikh kedatangan orang-orang Thai (yang dikaji) ke negara ini sukar dipastikan. Ada yang mengatakan mereka mula menjejak ke Tanah Melayu hanya beberapa jenerasi yang lalu. Yang lain pula menyatakan tentang keujudan orang-orang Thai di sini sejak dari zaman Raja Bersiong. Sejarah menunjukkan bahawa negara Thai sejak berkurun-kurun yang lampau telah ada perhubungan dengan negeri-negeri Melayu di Utara.

Besar kemungkinannya orang-orang Thai memulakan migrasi mereka pada zaman itu iaitu kira-kira tiga atau empat abad yang lalu. Kedatangan Inggeris telah menukar haluan perkembangan sejarah. Negeri-negeri Melayu telah dijadikan alat dalam usaha Inggeris dan Thai mengekalkan perseimbangan kuasa mereka di rantau ini. Akhirnya, melalui Perjanjian Bangkok, 1909, Inggeris mengambil alih kekuasaan keatas Kelantan, Trengganu, Perlis dan Kedah. Penukaran kuasa ini dengan sendirinya melibatkan orang-orang Thai yang sekian lama telah tinggal di negeri-negeri Melayu semasa di bawah kekuasaan Siam. Mereka bertukar menjadi rakyat British dan dengan tercapainya kemerdekaan Tanah Melayu mereka akhirnya menjadi rakyat negara ini. Mereka seterusnya mengambil satu identiti baru dengan menganggap diri mereka sebagai orang-orang "Thai Malaysia". Dari segi politik mereka telah samasekali putus perhubungan dengan negara asal mereka Thailand.

Mengikut sensus yang terbaru sekali (1970) bilangan orang-orang Thai di Malaysia ialah lebih kurang 26,000. Dari bilangan ini lebih dari 14,000 tinggal di Kedah. Yang lainnya menetap di Kelantan, Perlis dan Perak. Seperti dengan orang-orang Melayu kebanyakannya dari

mereka mendiami kawasan luarbandar.

Di KEDAH, kaum Thai dikatakan mempunyai hak-hak yang sama dengan orang-orang Melayu. Ini kerap kali dilaungkan oleh pemimpin-pemimpin negeri itu. Hal ini pernah ditegaskan sendiri oleh Yang Berhormat Dato' Syed Ahmad Shahabuddin selaku Menteri Besar Kedah dalam satu majlis dialog dengan lebih kurang 400 orang wakil-wakil kaum Thai dari seluruh negeri Kedah bertempat di Telok Wanjah, Alor Star, pada tahun 1971. Setakat mana 'hak' ini adalah satu perkara yang kontroversial. Kaum Thai memang dibenarkan memiliki tanah di kawasan simpanan Melayu dengan syarat tanah ini tidak dijual kepada orang Melayu. Sekiranya ini berlaku maka tanah itu tidak boleh lagi ditukar milik kepada orang Rhai. Dalam lain artikata seorang Thai boleh memiliki tanah tapi tidak boleh membeli dari orang Melayu tanah di kawasan simpanan Melayu ini.

Di daerah kecil Kroh di negeri Perak terdapat satu mukim di mana Penghulunya adalah seorang Thai. Ini adalah satu perkara yang luarbiasa oleh kerana jawatan penghulu selalunya hanya diberikan kepada orang-orang Melayu saje. Penghulu di Mukim Tasek (Perak) yang ada pada masa ini merupakan orang berketurunan Thai yang ketiga memegang jawatan tersebut. Hal ini mungkin memberi satu implikasi bahawa kerajaan negeri Perak sekurang-kurangnya memberi perhatian kepada kaum Thai di negeri itu serta mengakui akan kepentingan peranan mereka dalam hal ehwal pentadbiran. Tok Penghulu ini juga diberi taraf yang sama dengan penghulu-penghulu lain dari segi gaji dan kuasa. Apa yang berlaku di sini juga tidak dapat dibandingkan

dengan sistem "Chinese Protectorate" yang terdapat dikalangan setengah masyarakat China di negara ini oleh kerana Penghulu di sini bukan merupakan ketua kaum atau "community leader" tetapi orang yang mentadbirkan masukim pada keseluruhannya.

Kebudayaan

Seperti dengan kaum lain orang-orang Thai memang kaya dengan kebudayaan dan tradisi mereka sendiri. Pada amnya mereka masih mengamalkan sistem sosial dan budaya yang dibawa dari negeri asal mereka. Akan tetapi dengan proses integrasi dan assimilasi yang dialami oleh mereka banyak aspek-aspek tradisi dan budaya telah mula bertukar corak. Sedikit demi sedikit unsur-unsur kebudayaan Melayu mulai meresap kedalam kebudayaan mereka. Hal ini tidak dapat dielakkan oleh kerana mereka merupakan kumpulan yang kecil dikalangan masyarakat 'dominant' Melayu.

Sejauh manakah orang-orang Thai telah dointegrasikan dan diassimilasikan kedalam masyarakat Melayu akan dikaji dalam latihan ilmiah ini. Juga akan ditinjau bagaimana kedua kelompok yang berbezaan latarbelakang etnik dan ugama boleh mengujudkan "functional co-existence" diantara mereka. Kajian yang akan dibuat ini merupakan satu kes-study terhadap masyarakat di Pekan Naka di negeri Kedah yang sebahagian besar penduduknya terdiri dari orang-orang Melayu dan Thai.

BAB 2

TIORI INTEGRASI DAN ASSIMILASI

I. Integrasi

Konsep integrasi dari segi sosiologi telah digunakan dalam berbagai konteks untuk menerangkan satu proses menyatupadukan berbagai komponen atau bahagian dalam masyarakat yang ujud bersendirian.

Antara sarjana yang ulong sekali memberi perhatian pada masalah integrasi sosial ialah Auguste Comte (1798 - 1857). Menurut Comte sosiologi boleh dikaji dari dua aspek penting iaitu (i) "Social Statistics", dan (ii) "Social Dynamics".

"Social Statistics" adalah satu kajian keatas keadaan yang sedia ada dalam sesuatu masyarakat. Apa yang penting dalam "Social Statistics" ialah "social order", satu keadaan yang stabil dimana individu-individu mempunyai perhubungan yang erat diantara satu sama lain. Dalam keadaan demikian anggota-anggota masyarakat itu mempunyai satu identiti sosial dan budaya yang sama.

Comte seterusnya mengatakan bahawa "social order" ujud sebagai satu undang-undang semulajadi. Ianya sudah terujud dan melaluinya manusia mengatur pola-pola kelakuan dan aktiviti-aktiviti harian mereka. Faktor yang penting dalam "social order" ialah apa yang dikatakan oleh Comte sebagai "Consensus Universalis". Masyarakat, sebagai organisma sosial dibentuk oleh pelbagai komponen yang saling bergantungan.

Setiap individu akan memainkan peranannya untuk mencapai satu "consensus" dalam usaha mengujudkan dan seterusnya mempertahankan perhubungan yang harmoni dalam masyarakat.

Emile Durkheim dalam karyanya "Division of Labour, 1893" mengajurkan bahawa terdapat dua jenis perpaduan dalam masyarakat; iaitu "Mechanical Solidarity" dan "Organic Solidarity".

"Mechanical Solidarity" berdasarkan apa yang dikatakan oleh Durkheim sebagai "Conscience Collective". Solidariti jenis ini ujud dalam masyarakat simple dan primitif. Di dalam masyarakat demikian tidak terdapat jurang perbedaan sosial di kalangan anggota-anggotanya. Mereka mempunyai "collective feeling" dan mendekong nilai-nilai hidup yang sama.

"Organic Solidarity" sebaliknya berdasarkan pada soal "differentiation" atau ketidakaksamaan. Setiap individu mempunyai peranan atau role yang berlainan. Di antara mereka ujud satu sistem "division of labour" dimana setiap orang membuat sesuatu kerja yang khusus dan terhad samada di dalam lapangan politik, ekonomi atau sosial. Akan tetapi pengkhususan peranan ini tidak pula membawa kepada konflik. Sebaliknya ujudnya peranan-peranan yang berbeda ini akan menjelaskan keadaan hidup yang saling bergantungan di kalangan anggota-anggota masyarakat. Akibat dari koperasi ini akhirnya akan mengujudkan integrasi dalam masyarakat (Durkheim, 1933).

Kebanyakan dari ahli-ahli sosiologi yang membentangkan idea-idea tentang integrasi membuatnya secara umum. Sedikit perhatian

diberikan terhadap corak dan komposisi dalam masyarakat itu sendiri. Perbincangan mereka boleh dikatakan terhad kepada masyarakat yang bersifat homogeneous. Dalam sesuatu masyarakat yang bercorak heterogeneous dimana terdapat banyak kumpulan yang berlainan latar belakang etnik dan budaya maka pendekatan yang berlainan adalah penting dalam mengkaji masalah integrasi ini. Diantara mereka yang membuat kajian terhadap masalah perhubungan sosial dalam masyarakat berbilang kaum ialah Philip Mason (1954), J. Newman (1970), Michael Banton (1950) dan Schermerhorn (1970).

Philip Mason dalam sebuah kajiamnya mengenai integrasi dikalangan orang-orang kulit putih dan kulit hitam dalam abad ke 18 mengajurkan bahawa integrasi meliputi tiga proses penting iaitu "absorption, assimilation and acceptance" (Mason, 1954). Proses "absorption" berlaku diperingkat permulaan dimana kumpulan minoriti yang mendatang itu mula menerima nilai-nilai dan norma-norma sosial kumpulan dominant. Mereka secara beransur-ansur menghapuskan identiti asal mereka dan cuba identifikasi diri dengan masyarakat baru itu. Ini diikuti dengan proses assimilasi dimana kumpulan minoriti tadi menerima serta menyesuaikan diri mereka dengan bentuk kebudayaan kumpulan dominant yang sedia ada. Peringkat akhir berupa peringkat dimana kumpulan minoriti itu diterima sebagai satu komponen di dalam masyarakat itu. Proses integrasi ras, mengikut pendapat Mason boleh merupakan satu proses yang lambat oleh kerana iaanya meliputi soal "attitude" atau sikap kesemua kumpulan itu. Dimana sikap mereka lebih "flexible" dan kurang "prejudicial" integrasi akan berlaku dengan lebih

mudah dan cepat.

"Integration is a process whereby units or elements of a society are brought into an active and coordinated compliance with the ongoing activities and objectives of the dominant group in that society" (Schermerhorn, 1970, ms. 14). Di sini apa yang ditekankan ialah faktor "involvement" dan kerjasama antara anggota-anggota dalam usaha mencapai matlamat kumpulan majoriti. Ini bermakna bahawa integrasi sosial dalam sebuah masyarakat yang bercorak "multi-racial" akan tercapai apabila kumpulan etnik minoriti telah dapat menyesuaikan diri dengan pola-pola kelakuan golongan dominant melalui penyertaan di dalam kegiatan-kegiatan yang diadakan.

Menurut Michael Banton, terdapat enam bentuk perhubungan akibat dari pertembungan dua atau lebih kumpulan etnik. Perbedaan ini adalah kerana keadaan dan situasi yang berlainan samada berlakunya pertembungan ras ini (Banton, 1950). Enam bentuk perhubungan itu ialah:

1. Peripheral Contact

2. Institutionalized Contact

3. Domination

4. Paternalism

5. Pluralism

6. Integration

Dari enam jenis ini perhubungan "pluralism", dan "integration", ditekankan oleh Banton. Perhubungan "pluralism" ujud dalam masyarakat

yang mempunyai lebih dari satu kumpulan etnik. Di sini golongan-golongan minoriti diberi hak untuk mengambil bahagian dalam politik dan lain-lain hal ehwal pentadbiran. Akan tetapi soal perbedaan ras masih diperkuuhkan. Keadaan seperti ini berlaku dibanyak negara dimana sungguhpun semua warganegara tidak kira apa juga bangsa, diberi peluang memainkan peranan masing-masing di gelanggang politik negara batasan mengikut etnik masih diamalkan. Ini mungkin selaras dengan definasi konsep "Plural Society" oleh Furnival iaitu "a society comprising of two or more elements or social orders which live side by side without mingling in one political unit." (Furnival, 1967).

Dalam perhubungan jenis "Integration" setiap individu berinteraksi diantara satu sama lain tanpa menghiraukan soal perbedaan etnik. Anggota-anggota masyarakat hidup bekerjasama demi kepentingan bersama di dalam semua aspek hidup.

Dari perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa integrasi merupakan satu keadaan dimana anggota-anggota masyarakat saling berinteraksi dan bekerjasama di dalam segala kegiatan yang meliputi mereka tanpa menghiraukan soal perbedaan ras, status, latarbelakang kebudayaan atau ideologi. Semua mereka menginternalisasikan pola-pola kelakuan, sikap dan peranan masing-masing mengikut struktur norma yang sedia ada dalam masyarakat itu serta bersatu dalam usaha mencapai satu identiti masyarakat yang sama. Dalam konteks huraian inilah konsep integrasi akan digunakan di dalam latihan ilmiah yang akan dibuat ini.

II. Assimilasi

“Assimilation is the process by which groups with diverse

beliefs and behavior patterns become absorbed into another culture. The end product of this process is the elimination of a group as a distinct cultural entity” (Kurokawa, 1970).

Definasi di atas diberikan oleh sarjana sosiologi, Minako Kurokawa dalam karyanya "Minority Response". Mengikut Kurokawa assimilasi ialah satu proses dimana kelompok-kelompok yang mempunyai latarbelakang kepercayaan dan pola-pola kelakuan yang berlainan bertembung dan menjelmakan satu sistem kebudayaan baru. Proses ini melibatkan penghapusan identifikasi kumpulan yang kecil dan satu identiti kebudayaan yang tunggal akan terbentuk dalam masyarakat.

Mengikut Robert E. Park pula proses assimilasi merangkumi unsur-unsur saikologikal seperti sentimen, emosi dan pengalaman. Akibat dari proses interaksi akan ujud satu perkongsian pengalaman hidup dan sejarah dikalangan individu-individu dari dua kelompok ini. Secara spontan masing-masing menerima ciri-ciri kebudayaan kumpulan lain. Mereka akhirnya akan disatukan kedalam satu masyarakat yang lebih besar yang berasaskan kebudayaan kelompok yang dominant (Park, R.E., 1950).

"Assimilation is the substitution of one nationality pattern for another" (Gordon, 1964 ms. 64). Definasi ini diberikan oleh Milton Gordon dalam sebuah karyanya terhadap penyerapan kebudayaan (Gordon, 1964).

orang-orang mendatang di Amerika. Beliau melihat assimilasi sebagai satu proses yang melibatkan perubahan pola-pola kewarganegaraan. Apabila sesuatu kumpulan minoriti berhijrah ke negara lain mereka akan menukar identiti kebudayaan mereka. Mereka akan cuba menyesuaikan diri dengan suasana politik dan kebudayaan negara itu. Proses ini, mengikut Gordon lagi, memakan masa yang panjang dan berlaku secara berperingkat dan dalam berbagai bentuk. Peringkat-peringkat itu adalah seperti berikut:-

1. Cultural and Behavioral Assimilation
2. Structural Assimilation
3. Marital Assimilation
4. Identificational Assimilation
5. Attitude Receptional Assimilation
6. Behavioral Reception Assimilation
7. Civic Assimilation

Ketujuh-tujuh bentuk assimilasi ini adalah saling berkaitan berlaku merupakan satu "follow-up process".

Assimilasi dan Integrasi

Dari perbincangan di atas dapat dilihat bahawa assimilasi dan integrasi adalah dua proses yang berlainan tetapi berkaitan. Pada Michael Banton, integrasi merangkumi tiga proses yang penting iaitu penyerapan atau "absorption", assimilasi dan penerimaan. Dengan itu baginya assimilasi adalah sebahagian daripada proses integrasi (Banton, 1950).

Sebenarnya integrasi merujuk kepada proses interaksi dan kerjasama diantara individu-individu dalam masyarakat. Manakala assimilasi ialah satu proses penyerapan unsur-unsur kebudayaan oleh sesuatu kumpulan minoriti. Oleh itu integrasi dapat berlaku di dalam masyarakat homogeneous dan juga dalam masyarakat heterogeneous. Tetapi proses assimilasi hanya dapat berlaku dimana adanya pertembungan antara dua kumpulan yang mempunyai latarbelakang etnik dan kebudayaan yang berlainan.

Perbedaan dan kaitan kedua konsep ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam lagi di sepanjang kajian yang akan dibuat mengenai proses integrasi dan assimilasi dikalangan orang Thai di Malaysia ini. Untuk tujuan latihan ilmiah ini tumpuan akan diberikan kepada satu masyarakat tempatan di negeri Kedah.

Dari pada diskusi pendek mengikut etnik (Pata 3) dapat dilihat keadaan orang-orang heterogen yang tinggal berselang-seling dalam suatu kawasan masing-masing. Orang Melayu terdapat di Kawasan Barat di bahagian selatan, di Kampung Melayu dan di Kawasan Jelitar Sungai Pak Tunk. Gunaungku hasil orang Melayu juga tinggal di kawasan heterogen, lebih dari sejuluh lima dan setakat adalah keadaan orang Melayu. Orang Thai pun bahayukannya tinggal di Kawasan Selatan (Bukit Barat) dan di kawasan di sekitar "ter" (tanah berlindung ugama Buddha).

BAB 3

INTEGRASI DALAM BIDANG SOSIAL

Orang Thai dan Melayu merupakan dua kumpulan etnik yang mempunyai latarbelakang sosial dan budaya yang berlainan. Dalam banyak aspek hidup mereka masih lagi membeda-bedakan diri diantara satu sama lain. Tetapi dalam hal-hal lain pula mereka telah cuba hidup bersama dalam konteks satu masyarakat dengan satu budaya. Melalui berbagai institusi dan aktiviti-aktiviti sosial mereka berpeluang berinteraksi diantara satu sama lain hingga ada tanda-tanda menunjukkan ujudnya homogeniti dalam kehidupan mereka. Bagaimana dan sejauh mana institusi dan kegiatan-kegiatan sosial dapat membawa integrasi dalam masyarakat ini akan diperbincangkan selanjutnya.

i. Sibaran Tempat Tinggal

Dari peta distribusi penduduk mengikut etnik (Peta 3) dapat dilihat kecenderungan bagi kebanyakan orang untuk tinggal berkelompok mengikut kumpulan etnik masing-masing. Orang Melayu terdapat di Kampung Pong dibahagian selatan, di Kampung Melayu dan di kawasan sekitar Bendang Tok Teri. Sekelompok kecil orang Melayu juga tinggal di kawasan kedai-kedai. Lebih dari sepuluh kedai dan gerai adalah kepunyaan orang Melayu. Orang Thai pula kebanyakannya tinggal di Kampung Khok Tok (Bukit Barat) dan di kawasan di sekitar 'Wat' (rumah beribadat ugama Buddha).

Pembahagian tempat kediaman mengikut kumpulan etnik ini

walaubagaimanapun tidaklah begitu ketat. Ada terdapat kawasan-kawasan yang diidami oleh kedua orang Melayu dan Thai. Kampung Khok Tok yang pada asalnya berupa kawasan Thai, di beberapa tahun kebelakangan ini telah dimasuki orang Melayu. Kedua kumpulan ini sekarang tinggal sebagai jiran tetangga.

Kepentingan tempat kediaman dan perkampungan dalam proses integrasi dalam sesuatu masyarakat tidak dapat dinafikan. Hakikat ini disedari juga oleh kerajaan dalam usaha untuk mencapai matlamat integrasi ras dan membentuk masyarakat baru yang beridentitikan Malaysia. Oleh itu telah dijadikan syarat yang penting di banyak komplek perumahan supaya pembahagian rumah-rumah mencerminkan komposisi ras di negara ini.

Untuk melihat dengan lebih jelas corak tempat tinggal di kawasan ini telah dikaji bilangan mereka yang berjirankan keluarga kumpulan etnik asing (lampiran 9).

Mengikut data yang diperolehi hanya 20% hingga 25% dari jumlah 80 responden berjirankan keluarga dari golongan etnik lain. Sebahagian besar penduduk di sini lebih cenderung tinggal bersama kelompok sendiri. Tetapi dikalangan mereka yang berjirankan kumpulan etnik lain ini terlihat satu integrasi ras yang kukuh. Kebetulan kebanyakan dari mereka ini adalah yang berasal dari Kampung Khok Tok. Di sini ujud interaksi dan pergaulan yang bebas diantara orang-orang Melayu dan Thai. Mereka saling bekerjasama dalam semua aspek hidup dan tindakan sosial dalam suasana yang harmoni. Dalam perbualan secara

tidak langsung dengan orang-orang ini dapat diketahui sikap mereka yang saling hormat menghormati antara satu sama lain tanpa menghiraukan perbedaan latarbelakang etnik, ugama atau kebudayaan. Orang Thai telah menjauhkan diri daripada menernak babi di kawasan ini oleh kerana mereka sedar bahawa binatang itu haram dari segi ugama Islam. Sebaliknya, orang Melayu tidak menunjukkan perasaan kurang senang hati terhadap semi-sami Thai yang berjalan melalui kawasan halaman rumah mereka pada tiap-tiap pagi semasa dalam perjalanan mereka pergi mengambil pemberian makanan dari penganut-penganut ugama Buddha.

iii. Pelajaran

Satu bidang yang penting dalam mengujudkan peluang untuk integrasi dalam masyarakat, khususnya dikalangan jenarasi muda, ialah institusi pelajaran. Perubahan sikap, pandangan dan nilai hidup dapat diliakukan menerusi pelajaran, samada yang berbentuk formal atau tidak. Unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan dapat disalurkan kepada seseorang individu menerusi bahan-bahan bacaan dan tunjuk ajar dari pihak berkenaan. (Krech, 1962).

Sekolah yang komposisi muridnya terdiri dari berbilang kaum dapat memberikan peluang bagi penuntut-penuntut berinteraksi diantara satu sama lain. Sikap dan pandangan seseorang individu dipengaruhi antara lainnya oleh cara bagaimana ia dididik dan disosialisasikan semasa diperingkat kanak-kanak. Dimana seseorang kanak-kanak itu mempunyai interaksi yang luas dengan kawan-kawan dari golongan etnik lain maka besar kemungkinan ia akan dapat mengurangkan sikap prasangka

dan salahfahamnya terhadap mereka. Apabila kanak-kanak itu menjadi dewasa ia akan lebih bersedia menerima hakikat dan realiti untuk hidup dalam satu masyarakat yang berpadu.

Tidak

Jika dapat dinafikan bahawa dasar pelajaran penajah telah membelahbagikan penduduk negeri ini yang berbilang etnik. Sekolah-sekolah dibiarkan berkembang mengikut kehendak setiap kelompok masyarakat tanpa menekankan soal mencapai perpaduan rakyat keseluruhannya. Akibatnya kebanyakkan orang Melayu memasukkan anak-anak mereka ke sekolah Melayu, China ke sekolah China dan India ke sekolah pengantar Tamil. Hanya sekolah Inggeris sahaja yang mencerminkan komponen murid-murid yang berbilang bangsa. (Ratnam R.J. 1965).

Selepas merdeka dasar pelajaran baru telah dilancarkan dengan matlamat untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan yang resmi dan tunggal. Secara beransur-ansur bahasa pengantar Inggeris digantikan dengan bahasa Malaysia di sekolah-sekolah. Bahasa pengantar China dan Tamil walaubagaimanapun masih dikekekalkan diperingkat sekolah rendah.

Untuk melihat dengan lebih jelas bagaimana pelajaran dapat menimbulkan peluang untuk individu-individu dalam masyarakat yang dikaji ini berintegrasi dan seterusnya berassimilasi akan diuraikan di sini data-data berikut mengenai komposisi murid di Sekolah Kebangsaan Naka, iaitu institusi pelajaran formal yang tunggal di sini.

Sekolah kebangsaan ini telah dibina pada tahun 1946 dengan bilangan penuntut kurang dari 50 orang. Pada tahun 1954 bangunan baru

Sekolah Kebangsaan Naka
Komposisi Murid Bagi Tahun 1965

Barjah	Malayu	China	Thai	Jumlah
1	38 (84%)	-	7 (16%)	45
1 (Thai)*	-	-	10 (100%)	10
2	34 (92%)	-	5 (8%)	39
2 (Thai)*	-	-	19 (100%)	19
3	31 (94%)	-	2 (6%)	33
3 (Thai)*	-	-	15 (100%)	15
4	33 (86%)	-	6 (14%)	39
4 (Thai)*	-	-	23 (100%)	23
5	19 (95%)	1 (5%)	- (5%)	20
5 (Thai)*	-	-	8 (100%)	8
6	17 (94%)	-	1 (6%)	18
6 (Thai)*	-	-	14 (100%)	14
Jumlah	172 (60%)	1	109 (40%)	284

* Pengantar Bahasa Thai

Sekolah Kebangsaan Naka
Komposisi Murid Bagi Tahun 1975

Barjah	Malayu	China	Thai	Jumlah
1	79 (73%)	-	29 (27%)	108
2	40 (66%)	-	19 (34%)	59
3	55 (68%)	-	17 (32%)	72
4	58 (84%)	-	11 (16%)	69
5	40 (70%)	-	16 (30%)	56
6	41 (67%)	-	17 (33%)	58
Jumlah	313 (73%)	-	109 (27%)	422

menggantikan yang lama yang berbumbung atap. Pada ketika itu bahasa pengantar ialah Bahasa Melayu dan Bahasa Thai. Bilangan penuntut Melayu dan Thai juga hampir sama banyak. Seramai 8 orang guru bertugas di sekolah itu, 4 Melayu dan 4 Thai.

(Ibu lebih bebas dan laju. Burton, 1930)

Pada tahun 1965 jumlah murid ialah 282 orang. Dari bilangan ini 172 orang terdiri dari penuntut Melayu, 109 Thai dan 1 China. Komposisi sedemikian menjelaskan peluang yang luas untuk mereka berinteraksi. Dalam setiap kelas yang bahasa pengantaranya bahasa Melayu terdapat sekurang-kurangnya beberapa murid Thai. Tetapi di dalam kelas-kelas pengantar Thai hanya penuntut Thai saja yang mengikutinya. Pergaulan mereka walaubagaimanapun tidak hanya terbatas kepada di dalam bilik darjah saja, bahkan juga di dalam kegiatan-kegiatan lain seperti pengakap, pandu puteri, sukan dan acara Hari Ibu Bapa.

Interaksi ras ini bukan saja terhad kepada murid-murid tetapi juga dikalangan guru-guru. Pada tahun 1965 sekolah ini mempunyai tenaga pengajar seramai 10 orang. Dari jumlah ini 6 ialah Melayu dan 4 Thai. Komposisi sebegini sudah tentu dapat membawa pergaulan yang rapat diantara sesama mereka.

Perhubungan diantara kanak-kanak dengan sendirinya merupakan juga pihak ibubapa mereka. Orang dewasa dari kedua-dua kaum ini berpeluang bertemu dan bergaul sesama mereka di hari sukan dan hari ibubapa yang dianjurkan oleh sekolah. Di sini mereka berkesempatan untuk bertukar-tukar fikiran serta memahami masalah, sikap dan pandangan masing-masing.

Proses integrasi dan assimilasi adalah saling berkait. Dimana adanya integrasi proses assimilasi kebudayaan pun akan menjadi lebih mudah. Penyesuaian terhadap sesuatu unsur kebudayaan baru itu adalah cepat sekiranya interaksi diantara individu-individu dalam masyarakat itu lebih bebas dan luas. (Banton, 1950)

Institusi pelajaran disamping menggalakkan anggota-anggota masyarakat berintegrasi juga merupakan faktor penting dalam proses assimilasi. Di sini apa yang harus ditekankan ialah kepentingan bahasa sebagai alat perantaraan yang dapat mengubah corak pemikiran dan kebudayaan sesuatu kumpulan. Di Naka ini pengetahuan bahasa secara formal hanya dapat diperolehi dari sekolah kebangsaan. Dari semenjak terbinanya sekolah ini hingga ke tahun 1965 terdapat dua bahasa pengantar. Hal ini telah membataskan proses assimilasi kerana/diantara orang Thai menghantar anak mereka ke kelas pengantar Thai. Tetapi mulai dari tahun 1975 seluruh sekolah ini ~~disatukan~~ ^{yang} kedalam satu sistem pelajaran ~~menggunakan~~ pengantar bahasa kebangsaan saja. Tindakan ini sewajar dengan dasar kerajaan untuk menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang tunggal di negara ini. Pada mulanya orang Thai kurang senang dengan perlaksanaan dasar ini. Mereka bimbang yang ini akan menafikan mereka samasekali untuk mempelajari bahasa ibunda mereka. Tetapi akhirnya hakikat ini diterima juga oleh mereka dan mulai memasukkan anak-anak mereka kedalam darjah pengantar Melayu. Bahasa Thai walaubagaimanapun terus diajar sebagai bahasa tambahan yang tidak dimestikan. Tindakan ini membawa satu perubahan yang begitu berkesan sekali kepada orang Thai di sini. Sebelum ini

bukan saja bahasa malah sukanan pelajaran pun adalah berdasarkan kurikulum yang diajar di sekolah di Negeri Thai. Setiap hari sebelum kelas dimulakan murid-murid akan menyanyikan lagu kebangsaan Malaysia iaitu lagu Negara-ku dan juga lagu kebangsaan Thai. Di dinding sekolah juga digantung gambar-gambar Raja dan Permaisuri Thai. Tetapi semua ini telah berubah sejak tahun 1965 dan kanak-kanak Thai ^{tehuk} pun diberi sosialisasi yang bercorak keMelayuan.

iii. Aktiviti-aktiviti Sosial

Aktiviti sosial adalah satu cara yang penting bagi merapatkan individu-individu dalam sesuatu masyarakat. Dalam menyumbangkan tenaga untuk kepentingan komunitinya seorang itu harus berinteraksi dengan anggota lain dalam masyarakatnya. Di Pekan Naka terdapat beberapa persatuan dan badan sukarela. Antaranya ialah Persatuan Belia Naka, Persatuan Belia UMNO dan Persatuan Ibu Bapa. Kebanyakannya dari pertubuhan-pertubuhan ini kecuali yang bersifat keagamaan adalah dianggotai oleh orang Melayu dan Thai. Minat penduduk di sini terhadap kegiatan persatuan pada keseluruhanya adalah baik.

Daripada kajian yang dibuat didapati bahawa 65% dari responden Melayu dan 53% dari responden Thai menjadi ahli kepada sekurang-kurangnya satu persatuan tempatan. Diantara persatuan yang paling aktif ialah Persatuan Belia Naka. Sejak ditubuhkan beberapa tahun yang lalu persatuan ini telah menganjurkan banyak aktiviti-aktiviti seperti perniagaan koperatif, bergotong royong dan juga acara-acara sukan seperti peraduan bola sepak dan sepak takraw. Penyertaan

orang ramai dalam projek-projek yang dianjurkan ini menggalakkan. ^{adalah}
 Ahli-ahli dari kedua golongan Melayu dan Thai sama-sama memberi sambutan yang baik. Persatuan ini pernah diberi kontrek untuk membina jambatan-jambatan kecil dan memperbaiki jalan di sekitar kawasan ini. Dalam hal sedemikian tenaga buruh setiap ahli persatuan disatukan.

Berikut ialah rajah yang menunjukkan penyibaran keanggotaan oleh responden-responden dalam pertubuhan-pertubuhan yang ujud di sini.

Keanggotaan Penduduk Naka Dalam Persatuan

	Melayu	Thai
Persatuan Belia Naka	13 (31%)	12 (30%)
Belia UMNO	9 (24%)	3 (8%)
Persatuan Ibu Bapa	15 (37%)	10 (25%)
Persatuan Thai Kadah	-	5 (12.5%)
Persatuan Silat Gayong	2 (5%)	-

Dari 40 responden Thai 3 menjadi ahli Pertubuhan Belia UMNO. Sungguhpun ini hanya merupakan peratus yang kecil tetapi ianya membawa implikasi yang penting oleh kerana pertubuhan ini merupakan satu pertubuhan yang sebenarnya 'exclusive' untuk orang Melayu. Keanggotaan orang Thai di dalamnya menunjukkan tentang sikap mereka yang 'flexible' dalam menyesuaikan diri kedalam masyarakat Melayu. Tetapi hal sebaliknya terdapat dalam Persatuan Thai Kadah dimana keanggotaannya terhad kepada orang-orang Thai saja. Keadaan seperti ini jelas menggambarkan

proses assimilasi yang berlaku dikalangan kumpulan orang-orang Thai. Ini akan diperincangkan selanjutnya dalam bab 5.

Persatuan Orang-Orang Thai Kedah

Persatuan ini ditubuhkan 10 tahun yang lalu dengan keanggotaannya terbuka kepada semua orang-orang Thai yang bermastautin di negeri Kedah. Diantara lain, objektif Persatuan ini ialah untuk mengekalkan kebudayaan asli Thai. Sejak ditubuhkan Persatuan ini telah menimbulkan minat dikalangan orang Thai di merata negeri Kedah. Akan tetapi di sini Persatuan ini tidaklah begitu mendapat sambutan. Hanya 12% daripada responden yang ditemui menjadi ahli kepada persatuan yang berpusat di Jitra itu. Hakikat bahawa begitu sedikit mereka yang menyertai persatuan ini mungkin mencerminkan tentang sikap mereka yang kurang etnosentrik. Bahkan sudah terlihat tendensi untuk mereka memasuki persatuan-persatuan lain seperti Pertubuhan UMNO (7%) dan Persatuan Belia (30%). Pada hal Persatuan Thai Kedah ini merupakan persatuan orang-orang Thai yang tunggal di negeri ini yang sepatutnya diberi sambutan oleh semua golongan orang-orang Thai. Keadaan seperti ini menggambarkan berlakunya proses assimilasi dikalangan orang Thai.

iv. Sukan

Integrasi dikalangan anggota-anggota masyarakat juga dapat dicapai melalui bidang sukan. Pada masa-masa yang lalu penyertaan dalam sukan juga memperlihatkan segregasi etnik. Orang Melayu bermain

bola sepak, sepak takraw, layang-layang dan silat gayung sementara orang Thai lebih gemarkan bola sepak dan tomoi (boxing Siam).

Tetapi pemisahan secara ini kurang terlihat sekarang. Banyak belia-belia Melayu sudah berminat terhadap tomoi manakala orang Thai sudah melibatkan diri dengan permainan silat. Dikalangan kanak-kanak pula mereka bebas bermain gasing, layang-layang dan sebagainya bersama-sama samada di sekolah atau di luar sekolah.

v. Majlis Perkahwinan dan Perayaan

Selain dari bidang-bidang yang telah dibincangkan peluang untuk individu-individu dalam masyarakat ini berintegrasi didapati juga dalam majlis perjumpaan seperti kenduri kendara, hari perayaan dan sebagainya.

Orang Melayu semasa merayakan Hari Raya Puasa kerap kali mengundang kenalan mereka dari bangsa lain. Setengah keluarga Thai bukan saja selesa menerima jemputan sedemikian tetapi turut juga menolong jiran-jiran Melayu mereka dalam membuat kueh mueh raya terutamanya lemang dan ketupat. Kerjasama yang erat ini juga boleh dilihat semasa hari perkahwinan. Dalam majlis perkahwinan orang Thai makanan Muslim disediakan khas untuk para tetamu kaum Muslimin. Selalunya orang-orang Melayu sendiri bantu memasak dan menyediakan makanan itu.

Jadual berikut menunjukkan pembahagian responden yang pernah dijemput ke majlis perkahwinan.

pasangan pemerkahuan Thai di mana ia pernah menerima undangan

perkhidmatan jemputan dari Yang menerima undangan

uplikasi bahawa pengaruh Melayu dan

yang buat piperlakuan oleh masyarakat Thai ini.

Majlis perkahwinan

Melayu 25 (62.5%) 15 (37.5%)

Majlis perkahwinan

Thai 16 (40%) 30 (75%)

diketahui

di sini ada yang jelas iaitu bahawa di dalam perkahwinan Melayu sendiri

Dari jadual di atas dapatlah bahawa kebanyakan responden pernah menerima undangan dari kumpulan etnik sendiri. Hal ini adalah satu perkara yang biasa yang berlaku di mana-mana. Tetapi peratus yang besar bagi responden yang menerima jemputan dari bangsa asing (Melayu 40%, Thai 37.5%) jelas menunjukkan bahawa majlis perkahwinan memberi kesempatan yang baik untuk kedua kumpulan etnik itu berinteraksi.

Setakat menerima undangan ke majlis perkahwinan saja tidak pula menunjukkan berlakunya apa-apa tanda assimilasi. Jemputan diterima mungkin sebab obligasi seseorang terhadap jiran atau kawannya atau kerana timbulnya rasa ingin tahu apa yang sedang berjalan di dalam sesuatu majlis itu saja. Tetapi apa yang berlaku di sini ialah bukan saja setakat penerimaan undangan itu tetapi "involvement"

seseorang itu sendiri di dalam majlis itu. Semasa perkahwinan orang Thai umpannya, orang-orang Melayu turut bantu menyediakan makanan untuk para tetamu dan menghiaskan rumah dan bilik pengantin. Kadang-kala Mak Andam yang menjadi tuan solek pengantin perempuan itu adalah seorang wanita Melayu. Pernah berlaku di dalam satu perkahwinan dimana

pasangan pengantin Thai itu memakai pakaian pengantin Melayu. Sungguhpun perkara sedemikian jarang-jarang sekali berlaku ia masih memberi implikasi bahawa pengaruh Melayu sudah mulai meliputi adat istiadat yang kuat dipertahankan oleh masyarakat Thai ini.

Di dalam majlis perkahwinan orang Melayu pula kerjasama dari orang Thai biasanya juga diperolehi. Tetapi di sini istiadat Melayu dikekalkan tanpa apa-apa pengaruh unsur-unsur kebudayaan Thai. Jadi di sini apa yang jelas ialah bahawa di dalam aspek-aspek yang meliputi adat istiadat hanya orang Thai saja yang melalui proses assimilasi. Penyesuaian adalah terhadap kebudayaan Melayu atau bercorak "Malayo-Conformity".

Perayaan Ugama

Pada tiap-tiap tahun satu majlis ugama secara besar-besaran diadakan di wat oleh orang-orang Thai. Majlis ini kadangkala diadakan selama tiga hari berturut-turut. Di siang hari diadakan ceramah ugama dan lain-lain adat istiadat ugama. Pada waktu malam ditunjukkan pementasan Menora, Ramvong dan wayang kulit. Perayaan ini selalunya penuh sesak dikunjungi oleh orang-orang dari sekitar kawasan Naka termasuk juga orang Melayu yang pergi menonton pertunjukan-pertunjukan di waktu malam.

Sungguhpun ini merupakan satu majlis keugamaan Thai, orang Melayu turut memberikan kerjasama bagi menjayakan majlis tersebut. Selain dari menyumbangkan tenaga mereka dalam kerja membina pentas-

pentas untuk pertunjukan kebudayaan mereka biasanya juga menunjukkan permainan wayang kulit. Kesanggupan orang Melayu memberi sumbangan ini tanpa mengenakan bayaran menggambarkan semangat kerjasama yang begitu baik dikalangan kedua kumpulan etnik di sini. Perbedaan ras tidak menjadi halangan kepada mereka untuk berintegrasi diantara satu sama lain.

Rumusan

Dari apa yang telah dibincangkan terlihat beberapa faktor penting yang menentukan integrasi dalam masyarakat yang dikaji ini. Faktor distribusi tempat tinggal telah menghalang individu-individu untuk berinteraksi dengan lebih rapat oleh kerana kecenderungan bagi orang tinggal berkelompok sesama kumpulan etnik. Hidup berjigankan kumpulan etnik asing seperti yang terdapat di Kampung Khok Tok sebaliknya menjelaskan integrasi yang kukuh dikalangan kedua kumpulan etnik itu.

Faktor-faktor pendorong dalam proses integrasi dan assimilasi diantara lain termasuklah peranan institusi pelajaran. Ini dapat dilihat dalam perbincangan mengenai Sekolah Kebangsaan Naka tadi. Komposisi murid yang terdapat di sekolah ini dan langkah menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang tunggal telah menyatupadukan kanak-kanak dari kedua kaum itu. Demikian juga halnya dengan kegiatan-kegiatan sosial, perjumpaan di majlis-majlis perkahwinan dan hari perayaan dan keanggotaan dalam persatuan. Semua ini memberikan kesempatan untuk anggota-anggota masyarakat di sini berintegrasi dan berassimilasi.

BAB 4

INTEGRASI DI BIDANG POLITIK DAN EKONOMI

A. Integrasi di Bidang Politik

Politik merupakan satu bidang penting yang mempengaruhi corak perkembangan sesuatu masyarakat atau negara. Dalam bab ini akan dibincangkan bagaimana politik dapat mengujudkan peluang-peluang untuk anggota-anggota masyarakat di tempat yang dikaji ini berinteraksi. Dengan meninjau kedalam aspek-aspek politik seperti corak kepimpinan, dasar dan aktiviti-aktiviti parti yang ujud akan dapat dilihat faktor-faktor yang mendorong dan juga faktor-faktor yang menghalang proses integrasi ini.

i. Parti Politik

Penyertaan dalam politik dikalangan orang-orang di sini pada keseluruhannya masih belum begitu meluas. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini terdapat dua parti politik yang agak aktif iaitu Parti UMNO dan Parti PAS. Kedua parti ini merupakan parti yang berpengaruh di negeri Kedah. Dalam pilihanraya tahun 1969 Parti Perikatan berjaya menguasai negeri Kedah tetapi dengan pertandingan hebat daripada PAS yang berjaya mendapat tidak kurang dari 8 kerusi Dewan Negeri. Kedua parti ini mempunyai cawangan kecil masing-masing di Pekan Naka ini. Satu perkara yang harus diperhatikan ialah bahawa sungguhpun UMNO sebenarnya adalah komponan kepada Parti Perikatan tetapi di sini iaanya

lebih ujud sebagai satu parti tersendiri. Ini ialah kerana komponan lain Perikatan ialah MCA dan MIC boleh dikatakan tidak aktif sama sekali di kawasan ini. Sebarang pertandingan dalam pilihanraya adalah pertarungan diantara UMNO dan PAS.

Untuk berkuasa parti-parti politik ini akan cuba memperluaskan keanggotaan dan pengaruhnya. Usaha diadakan untuk mencari seberapa banyak penyokong-penyeokong tanpa mengira dari apa saja kumpulan etnik. Nasing-nasing parti membentangkan manifesto dan ideologi yang dianggap ideal untuk masyarakat.

Seperti dikebanyakan tempat parti-parti politik di sini adalah bercorak perkauman. Penyertaan dalam politik berdasarkan latarbelakang etnik seseorang individu. Oleh yang demikian tidak memerlukan bahawa kesemua anggota-anggota parti PAS adalah terdiri dari orang Melayu dan mereka yang berugama Islam. Berbeda sedikit halnya dengan parti UMNO. Sungguhpun parti ini mendokong aspirasi bangsa Melayu terdapat juga orang Thai yang memberi sokongan terhadapnya. Dari 40 orang responden Thai yang ditemui 12 menyuarakan sokongan kepada UMNO dan ini termasuklah 3 orang yang, disamping menyokong, menjadi ahli penuh parti itu.

Sabenaraya bagi orang Thai di sini tidak ada peluang sama sekali untuk mereka bersikap perkauman dalam politik oleh kerana kedua UMNO dan PAS merupakan "parti Melayu". Dengan itu tidaklah hairan terdapatnya sikap tidak peduli dikalangan setengah orang Thai semasa di hari pembuangan undi. Namun demikian kebanyakannya mereka masih ingin

melihat UMNO berkuasa. Parti PAS dianggap mereka sebagai terlalu bercorak keugamaan untuk memerintah negara yang mempunyai penduduk yang berbilang bangsa dan ugama ini.

Keujudan parti-parti politik yang bercorak perkauman ini menjelaskan beberapa kebaikan dan juga keburukan. Perjuangan parti seperti ini adalah bersifat nasionalis. Oleh yang demikian ia dapat menimbulkan semangat dikalangan individu-individu untuk bersatupadu mendokong aspirasi bangsa dan ugama. Ini dapat menjalinkan hubungan yang erat diantara anggota-anggota sesuatu kelompok itu. Sebaliknya politik bercorak perkauman ini dapat menimbulkan ketegangan dan konflik diantara kaum etnik yang berlainan itu.

Perasaan prasangka dan salah faham antara ras kadangkala menjadi lebih buruk oleh pemimpin-pemimpin parti yang kurang bertanggung-jawab. Ini tidak dapat dielakkan oleh kerana di dalam sistem politik yang sebegini coraknya cara yang paling efektif bagi seseorang meluaskan pengaruhnya ialah dengan menjadikan dirinya sebagai jagoh bangsanya. Soal-soal perkauman yang sensitif kerap kali dibangkitkan tanpa mengira bahawa ini dapat membawa kepada konflik ras atau lain akibat buruk.

Dalam masyarakat yang dikaji ini walaubagaimanapun konflik ras akibat dari pergolakan politik seperti ini tidaklah begitu meluas. Ini ialah kerana hanya terdapat dua parti politik yang bercorak perkauman dan keduanya pula menumpukan perhatian kepada kaum Melayu. Keadaan ini berbeda dengan keadaan di tempat lain dimana ujud banyak parti yang masing-masing mewakili kumpulan etnik yang berlainan - UMNO dan

PAS untuk Melayu, MIC untuk orang India, MCA dan DAP untuk orang China. Tetapi seperti lain golongan minoriti orang Thai tidak mempunyai parti politik yang dapat melambangkan identiti etnik mereka. Dengan itu, untuk mereka penyertaan dalam politik hanyalah dapat dibuat dengan menjadi anggota UMNO atau PAS.

Dikalangan orang Melayu, sebelum tertubuhnya Barisan Nasional berlaku satu konflik ideologi akibat dari perbedaan dasar politik diantara UMNO dan PAS. Keadaan ini telah memecahbelahkan orang Melayu sesama sendiri sebagaimana yang dimanifestasikan dalam kehidupan seharian mereka. Di dalam sesuatu majlis perkahwinan umpamanya, sahabat-sahabat dari sesama parti selalu diberi keutamaan di dalam senarai para jemputan. Demikian juga halnya dalam kegiatan-kegiatan sosial lain dimana diskriminasi mengikut parti kerap kali diamalkan.

ii. Barisan Nasional

Pembentukan Barisan Nasional pada bulan Januari 1973 telah membawa satu perubahan yang besar di dalam suasana politik di negara ini. Beberapa parti khususnya Perikatan, PAS, Gerakan dan P.P.P. telah bergabung dan menubuhkan kerajaan campuran diperingkat negeri dan kemudiannya peringkat nasional. Perkembangan ini telah membawa makna yang besar kepada masyarakat di negara ini khasnya dikalangan orang Melayu yang selama ini berpecahbelah akibat perbedaan ideologi politik diantara parti UMNO dan PAS. Sebelum ini kedua parti ini bertentangan dengan begitu hebat di negeri Kelantan, Trengganu, Pahang dan Kedah,

Percantuman Perikatan-PAS walaubagaimanapun tidak menghapuskan samasekali "ideological tension" yang sedia ada itu. Ia sekadar mengurangkannya. Sungguhpun pada dasarnya kedua parti ini telah bersatu, 'consensus' ini lebih berlaku diperingkat atas saja iaitu dikalangan pemimpin-pemimpin. Diperingkat bawah masih berlaku konflik yang selama ini diberi "rahmat" oleh orang-orang di atas. Hakikat ini dibuktikan dengan kemenangan Barisan Nasional yang begitu tipis sekali dalam pilihanraya kecil Parlimen di Kuala Kedah beberapa tahun dulu. Pada hal kawasan ini pernah merupakan "tugu" Perikatan Negeri Kedah. Keadaan ini mungkin telah berubah sekarang ini selepas rakyat mula memahami akan tujuan dan matlamat Barisan Nasional.

iii. Orang Thai dan Assmilasi Politik

Penyertaan orang Thai dalam arena politik Malaysia adalah satu perkara yang baru. Terdahulu dari ini mereka masih bersikap tidak peduli terhadap perkembangan politik di negara ini. Sebaliknya negara Thai sentiasa disanjung dan dibanggakan oleh mereka. Ramai yang lebih mengenal pemimpin-pemimpin Thailand daripada pemimpin-pemimpin negara ini kecuali mereka yang ternama seperti Tunku Abdul Rahman Putra atau Tun Abdul Razak.

Sikap ini telah berubah di beberapa tahun yang lepas akibat dari interaksi dengan orang Melayu dan melalui pelajaran. Mereka secara beransur-ansur telah mulai hilang kontek dengan keadaan politik negara Thai. Ketika ditanya siapakah Perdana Menteri Thailand pada

waktu kajian ini dijalankan ramai responden telah memberi jawapan yang salah.

Perdana Menteri Thailand

Thanom Kitikachorn	%	Seni Pramoj	%
24	60	16	40

Dari 40 orang responden hanya 16 yang memberi jawapan yang betul iaitu Seni Pramoj. Yang lainnya masih memikirkan bahawa Marshall Thanom Kitikachorn masih menjadi Perdana Menteri Thailand sungguhpun beliau telah digulingkan dalam Revolusi Oktober 1973 oleh golongan pelajar.

Dikalangan masyarakat Thai seorang Raja itu diberi penghormatan yang paling tinggi. Baginda melambangkan kemegahan dan kedaulatan bangsa, ugama dan negara Thai. Di setiap rumah orang Thai di sini juga didapati tersimpan gambar-gambar Raja Bhumipol dan Ratu Sirikit. Tetapi bagi mereka ini, Raja lebih merupakan simbol ugama dan bangsa daripada sebagai simbol kuasa politik. Sikap mereka terhadap Raja ini sebenarnya dipengaruhi oleh prinsip "status hierarchy" yang diamalkan oleh ugama Buddha dimana semua makhluk ditempatkan kedalam beberapa kategori iaitu "Dewadda", "Manut", "Sat", "Phi" dan "Preet". "Dewadda" merupakan status yang paling terkemuka sekali dan "Preet" yang paling terbawah dan terhina. Bagi masyarakat Thai seorang Raja disamakan dengan Dewadda. Oleh itu baginda harus disanjung dan

didewa-dewakan. (A.T. Kirsch, 1975)

Dewadda

Manut

Sat

Phi

Preet

Prinsip 'Status-Hierarchy' dalam Sistem Sosial

Orang-Orang Thai

Sikap Terhadap Kerajaan Malaysia

Masyarakat di sini pada keseluruhannya mempunyai sikap yang kurang kritis, terutama sekali terhadap kerajaan. Ini mungkin kerana hakikat bahawa kebanyakannya mereka tidak mendapat pelajaran yang tinggi. Ramai diantara mereka masih belum kenal akan sistem politik dan corak pentadbiran negara ini dengan jelas apatah lagi maksud prinsip demokrasi dan sebagainya. Tetapi bagi mereka, dalam mentafsirkan baik tidaknya sesuatu pemerintahan itu, apa yang dijadikan kriteria utama ialah usaha dan rancangan-rancangan pembangunan kerajaan yang mana mereka dapat lihat serta menikmati sendiri faedah-faedahnya, seperti Rancangan Sungai Muda, FELDA dan Rancangan Tanamsemula RISDA. Penafsiran ini biasanya selaras dengan sikap mereka terhadap kerajaan. Bagi orang Thai pula perbandingan sering dibuat dengan keadaan di negara Thai dan usaha kerajaan Thai meninggikan taraf kehidupan rakyat di negara itu. Di sinilah dimana mereka sedari bagaimana lebih progresif Malaysia ini jika dibandingkan dengan negara Thai.

Dari data yang diperolehi didapati banyak diantara orang Thai yang telah diberi tanah di rancangan-rancangan kerajaan yang disebutkan tadi. Usaha kerajaan membuka tanah untuk penduduk-penduduk desa ini memberi makna yang besar kepada orang-orang Thai seperti juga orang-orang Melayu oleh kerana kepada mereka tanah itu merupakan pusaka asas untuk kehidupan mereka. Ada juga terdapat beberapa orang Thai yang telah diberikan pekerjaan di Ladang Tebu Padang Terap. Semua ini telah memberi mereka satu gambaran bahawa kerajaan mengambil berat tentang kehidupan mereka. Maka di sinilah timbulnya pandangan yang baik terhadap kerajaan.

Sikap taat setia masyarakat Thai kepada negara ini telah dimanifestasikan beberapa kali semasa negara sedang berada di dalam keadaan yang mencemaskan. Diwaktu Konfrantasi dengan Indonesia (1963 - 1965) dahulu Kerajaan telah menyeru rakyat menubuahkan unit-unit kawalan sukarela untuk bantu mengawasi kawasan masing-masing daripada aktiviti-aktiviti subversif. Sistem kawalan itu adalah sama dengan sistem kawalan Rukun Tetangga yang sedang dipraktikkan sekarang ini. Penyertaan orang Thai di dalam pertubuhan sukarela ini amatlah menggalakkan.

Semasa Dharurat (1948 - 1960) pula mereka turut serta menjadi "home-guards" untuk membantu kerajaan melindungi kampung halaman dan harta benda rakyat daripada ancaman pengganas. Mereka juga bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk memindahkan keluarga-keluarga kedalam kawasan kampung baru untuk membolehkan anggota-anggota keselamatan

mengawal keadaan dengan lebih mudah. Baru-baru ini pula orang-orang Thai menerima baik seruan kerajaan menubuhkan pasukan RELA yang mana tugasnya adalah lebih kurang sama seperti pasukan "home-guards" dahulu.

Setiap tahun pada 31hb. Ogos, kaum Thai turut menyumbangkan tenaga bagi menjayakan perayaan Hari Merdeka dengan menyertai perarakan-perarakan dan majlis-majlis perhimpunan yang diadakan. Mereka juga turut serta dalam pertunjukan-pertunjukan kebudayaan dengan sumbangan Tarian Manora. Tarian ini juga sering dipersenjatakan di majlis-majlis jamuan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Kedah di Istana Anak Bukit.

Usaha Kerajaan Mengassimilasikan Orang Thai

Selain dari usaha dibidang pelajaran dan lain-lain bidang sosial kerajaan nampaknya cuba mengubah sikap orang Thai menerusi penerangan. Seperti dengan orang Melayu di kawasan pendudukan masyarakat Thai di sini tidak dapat mengikuti perkembangan-perkembangan politik negara dengan sepenuhnya. Mungkin atas kesedaran ini Jabatan Penerangan Negeri Kedah telah melantik dua orang pegawai penerangan bangsa Thai khusus untuk bertugas di kawasan-kawasan yang meliputi kumpulan etnik Thai yang berjumlah 14,000 orang dari segenap pelusuk negeri itu. Langkah ini merupakan usaha yang wajar oleh pihak kerajaan. Penerangan dalam bahasa Thai ini akan membolehkan mereka memahami dengan lebih jelas apa yang ingin disampaikan oleh kerajaan. Jabatan Penerangan juga menyibarkan gambar-gambar D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Agong,

D.Y.M.M. Sultan Kedah dan Perdana Menteri kepada penduduk-penduduk Thai ini.

Kerajaan Kedah telah melantik seorang berbangsa Thai iaitu Encik Jan Intachat, P.J.K. sebagai Jaksa Pendamai. Pengurniaan J.P. ini, sungguhpun merupakan satu perkara biasa dikalangan masyarakat lain, dipandang tinggi oleh kaum Thai. Selama beberapa tahun ini Encik Jan Intachat merupakan orang perantaraan diantara masyarakat Thai dan Kerajaan Negeri Kedah. Beliau mewakili orang Thai dalam majlis-majlis dialog dengan kerajaan dan juga menjadi Ahli Jawatankuasa Majlis Muhibbah peringkat Negeri.

Kebanyakan penduduk Thai sekarang ini sudahpun diliktirafkan sebagai warganegara Malaysia sepenuhnya berbanding dengan sebelum Merdeka. Dari data yang diperolehi hanya 3% dari responden-responden yang masih mempunyai kewarganegaraan Thai.

Tanah Simpanan Melayu (Malay Reservation)

Suatu perkara yang menarik perhatian ialah berkensaan dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Negeri Kedah yang memberi hak kepada rakyat berketurunan Thai untuk memiliki tanah di dalam Kawasan Simpanan Melayu. Hak ini terkandung dalam Enactment 63 Section 6 yang berbunyi "Save as hereinafter provided in this Enactment, where any land is held under a document of title by a Malay, no right or interest therein shall vest, whether by transfer, sale in execution of a decree, sale at the instance of a charge or otherwise, in any person who is not

Mengikut peruntukan ini dan juga Enakmen 63, Seksyen 7,8 dan 9, seorang Thai dianggap sebagai sama dengan seorang Melayu di dalam hal yang bersangkutan dengan tanah negeri. Keadaan ini adalah berbeda dengan keadaan di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia dimana hakmilik tanah di Kawasan Simpanan hanya diberikan kepada orang Melayu atau Bumiputra. Bagaimana orang Thai diberi 'privilege' yang istimewa ini sukar dipastikan. Mengikut ^{Rollins Bonney} keadaan demikian mungkin timbul akibat dari perkembangan sejarah dan politik selepas 1900 M. Di waktu ini perhubungan diantara Kedah dan negeri Thai beransur baik dan ini telah menyebabkan lebih ramai orang Thai bermigrasi kesini. Perjanjian Anglo-Siamese 1909 telah mengakibatkan putusnya hubungan mereka ini dengan negara asal mereka dari segi politik dan kebudayaan. Oleh itu sebagai 'compensation' terhadap kehilangan identiti kebangsaan mereka akibat dari pergolakan politik itu orang Thai diberi hak istimewa ini disamping diakui sebagai rakyat Sultan Kedah yang sah.

Ada kemungkinan bahawa timbulnya keadaan seperti ini ialah juga kerana sikap kerajaan Kedah terhadap masyarakat Thai itu sendiri. Sungguhpun mereka merupakan kaum minoriti peranan mereka di dalam ekonomi negeri tidak seharusnya diperkecilkan. Kebanyakan mereka adalah terdiri dari petani-petani dan oleh kerana negeri Kedah mempunyai struktur ekonomi yang berdasarkan pertanian, maka tidak boleh tidak pertanian memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka. Jika diteliti Seksyen 8 Enakmen 63 itu seorang Thai atau "Siamese" yang dimaksudkan itu ialah seorang Thai yang menjadi petani atau "agriculturalist" yang bermastautin di negeri Kedah. Penekanan terhadap perkataan

"agriculturalist" itu memperkuatkan alasan bahawa hak istimewa yang diberikan kepada orang Thai berpunca dari pengiktirafan peranan mereka di dalam ekonomi negeri. Lagipun hakikat bahawa mereka ini hanya merupakan sebahagian kecil daripada populasi tidak menimbulkan keraguan kerajaan negeri bahawa hak itu akan menjejaskan kedudukan orang-orang Melayu di Kedah.

Pengiktirafan hak istimewa ini telah membawa makna yang besar kepada masyarakat Thai di negeri ini. Ianya bukan saja mengubahkan sikap dan pandangan mereka terhadap kerajaan tetapi juga terhadap kumpulan etnik Melayu. Satu perkara yang jelas ialah bahawa keadaan ini telah mempengaruhi proses assimilasi dan integrasi dikelangan orang Melayu dan orang Thai.

Tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah bahawa tidak semua orang Thai mengetahui akan kedudukan mereka ini. Banyak yang telah menjualkan tanah mereka kepada orang-orang China dan ini adalah bertentangan dengan peruntukan dalam Perlembagaan Negeri. Biasanya pihak yang berkuasa mendapat tahu tentang perkara sedemikian selepas jangka masa yang agak panjang dimana tindakan undang-undang sukar hendak diambil.

Rumusan

Dari perbincangan di atas dapat dilihat beberapa cara bagaimana bidang politik menjelaskan peluang-peluang bagi anggota masyarakat ber-integrasi. Diantara cara-cara ini ialah seperti berikut:

- i. Menerusi keanggotaan dalam parti politik.

ii. Menerusi penyertaan yang aktif dalam politik.

Dengan menjadi ahli kepada sesuatu parti seseorang itu harus berinteraksi dengan lain-lain ahli parti yang sama. Walau bagaimanapun pasif seseorang itu ia tidak dapat elakkan diri daripada perasaan obligasi dan tanggungjawab terhadap parti itu. Sekurang-kurangnya ia akan menghadiri Mesyuarat Tahunan atau lain-lain majlis sosial anjuran parti.

Penyertaan yang aktif dalam politik adalah cara yang lebih efektif dalam mengeratkan perhubungan diantara individu. Bagi setengah orang kegiatan politik bukan saja sekadar menjadi ahli biasa sesuatu parti tetapi begitu aktif sekali dalam aktiviti-aktiviti politik terutamanya semasa menjelang hari pilihanraya umum. Di waktu ini kerjasama dikalangan anggota-anggota parti dari semua kumpulan etnik sangatlah penting untuk mendapatkan sokongan dari keseluruhan masyarakat.

Kepemimpinan yang dinamik dengan sendirinya dapat memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dikalangan anggota-anggota parti. Inisiatif untuk berintegrasi seharusnya bermula dari atas iaitu diperingkat jawatankuasa sendiri.

Politik sebaliknya dapat menimbulkan keadaan disintegrasi sekiranya ia terlalu bercorak perkauman. Kadangkala pula perbedaan ideologi merupakan faktor penting yang memecahbelahkan anggota masyarakat sesama kelompok etnik seperti yang dicerminkan oleh parti UMNO dan PAS sebelum pembentukan Barisan Nasional.

Keadaan politik yang ujud telah menggalakkan proses assimilasi.

Sebagai kelompok minoriti orang Thai tidak mampu menubuhkan satu parti politik yang tersendiri. Dengan itu untuk mengelakkan keujudannya mereka terpaksa menceburkan diri kedalam salah sebuah parti yang berpengaruh sungguhpun parti itu masih bercorak perkauman. Melalui keanggotaan dalam UMNO orang Thai telah berinteraksi dengan orang Melayu dan menyesuaikan diri dengan sikap dan pandangan politik Melayu.

B. Integrasi di Bidang Ekonomi

Institusi dan kegiatan-kegiatan ekonomi juga mengujudkan kesempatan bagi anggota-anggota masyarakat berinteraksi. Penyertaan bersama dalam pekerjaan dan aspek-aspek ekonomi lain yang melibatkan kedua kumpulan etnik itu dapat membawa kepada keadaan berintegrasi di dalam masyarakat itu.

i. Pekerjaan

Berikut ialah jadual yang menunjukkan taburan penduduk-penduduk di Pekan Naka mengikut lapangan-lapangan pekerjaan mereka.

Lapangan Pekerjaan	Melayu(%)	Thai(%)
Peladang/Pesawah	36	40
Penoroh setah	30	38
Berniaga	10	2
Kakitangan Kerajaan	10	5
Buruh Kontrek	5	10
Lain-lain	9	5

Nerjasa yang berkembaran halus kecangak ini juga

Jika ditinjau distribusi pekerjaan mengikut kumpulan etnik ini akan didapati persamaan yang jelas di dalam jenis pekerjaan yang dibuat oleh orang Melayu dan orang Thai. Kebanyakan mereka adalah terdiri dari pesawah-pesawah dan penoreh-penoreh getah. Mereka ini bukan saja setakat melibatkan diri di dalam lapangan pekerjaan yang sama tetapi juga bekerja di tempat-tempat yang berhampiran, terutamanya mereka yang bekerja di bendang. Bagi petani-petani bekerjasama diantara satu sama lain adalah penting. Mereka harus bersafahaman di dalam kerja-kerja seperti membuat batas dan membahagikan air bendang. Kejadian "curi mencuri air" boleh menimbulkan konflik sekiranya tidak ada persefahaman ini. Begitu juga halnya semasa membuat pagar untuk menjauhkan binatang-binatang seperti kerbau dan lembu daripada memasuki bendang.

Persamaan dari segi lapangan pekerjaan ini dapat menimbulkan "interest" yang sama dikalangan kumpulan etnik yang berlainan ini. Mereka mempunyai masaalah dan cabaran yang sama. Struktur ekonomi negara ini membeda-bedakan kumpulan etnik mengikut pola-pola pekerjaan. Orang Melayu umpannya, dikaitkan dengan pertanian, China dengan perniagaan dan India dengan kerja-kerja di ladang. Jika dibandingkan dengan ketiga kumpulan ini, maka orang Thai adalah lebih sama dengan orang Melayu oleh kerana latarbelakang mereka yang juga berdasarkan pertanian. Penglibatan orang Thai di dalam lapangan perniagaan, seperti juga dengan Melayu, adalah sangat terhad dan jika adapun hanya sebagai pekerja-pekerja kepada taukeh-taukeh China saja.

ii. Pinjam Meminjam

Kerjasama yang baik diantara kedua kelompok ini juga

dimanifestasikan dalam proses pinjam meminjam. Oleh kerana letaknya jauh dari kawasan bandar, kemudahan-kemudahan untuk pinjaman dan bantuan yang resmi tidak ujud di sini. Dengan itu punca untuk mendapatkan pinjaman yang mudah ialah taukeh-taukeh China. Tetapi dikalangan penduduk di sini yang masih belum dipengaruhi nilai-nilai materialistik, pinjaman wang dari sumber ini masih tidak meluas dan biasanya hanya popular dikalangan mereka yang berkedudukan ekonomi yang agak baik saja.

Dibentuk oleh dikalangan kebanyakan kaum Cina yang dibentuk oleh

Dari data yang diperolehi didapati kebanyakan orang lebih cenderung untuk meminjam, samada wang atau harta benda lain, daripada orang-orang sekampung itu sendiri tanpa menghiraukan perbedaan etnik. Pinjam meminjam dikalangan anggota-anggota kelompok yang berlainan itu tidak semestinya pula menunjukkan keadaan integrasi di dalam masyarakat itu. Ramai orang umumnya, mendapatkan pinjaman daripada orang-orang tengah China dan cetiar-cetiar India tetapi ini tidak menimbulkan perhubungan yang mesra diantara mereka. Hubungan yang terjalin itu adalah akibat daripada kepentingan diri masing-masing dan tidak melibatkan sebarang emosi dan perasaan. Tetapi keadaannya berbeda dengan masyarakat Melayu dan Thai di sini. Mereka saling bantu membantu diantara satu sama lain dengan perasaan yang ikhlas dan jujur. Sebarang bantuan pinjaman yang diberi itu jarang pula melibatkan sebarang formaliti dan tidak harapkan bunga. Oleh kerana inilah maka tidak hairanlah mengapa terdapat kadar pinjam meminjam diantara kelompok yang agak tinggi iaitu 12% (lampiran 26).

Dikalangan kaum Cina, sosial kewajibkhan yang menggunakan simbol disengajang

III. Sistem Berderau dapat diilustrasikan dari kepentingan

berderau, kerjasama berderau dan kerjasama dalam kelompok etnik.

Kerjasama secara berderau adalah paling popular dikalangan penduduk-penduduk di sini. Ini mungkin disebabkan oleh latarbelakang ekonomi masyarakat yang berdasarkan pertanian. Dimusim menanam dan musim menuai tenaga manusia yang banyak diperlukan. Demikian juga dalam masa membuat padi bukit. Kerja menebang, membakar dan menyediakan tapak semaiannya semuanya memerlukan kerjasama dari orang lain. Segala bantuan yang diberi tidak dikenakan bayaran tetapi bercorak resiprokal dimana seseorang yang diberi pertolongan itu tahu akan tugasnya untuk membalas budi orang yang pernah membantunya itu apabila tiba gilirannya kelak. Sistem berderau ini diamalkan oleh kebanyakan orang di sini tanpa mengira kumpulan etnik.

Rumusan

Dapat dirumuskan di sini bahawa dibidang ekonomi seperti dibidang politik dan sosial terdapat juga peluang-peluang yang luas untuk individu-individu dalam masyarakat berinteraksi. Kesamaan dari segi ekonomi khususnya dalam punca pendapatan menjelaskan satu "common economic identity" dikalangan kelompok etnik yang ada. Mereka menghadapi masalah dan kerumitan yang sama. Dari segi ekonomi mereka sama-sama sedar akan kedudukan mereka yang jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kumpulan etnik lain terutamanya orang-orang China. Ini menimbulkan semangat untuk hidup bersama dengan berdasarkan prinsip 'functional interdependence' khasnya dalam soal ekonomi. Segala konflik yang mungkin timbul disepanjang

perhubungan ekonomi mereka telah cuba diselesaikan demi kepentingan bersama.⁶³ Persamaan taraf ekonomi ini adalah diantara faktor-faktor yang utama dalam menerangkan bagaimana orang-orang berketurunan Thai yang berlainan ugama dan kebudayaan telah dapat berintegrasi dan ber-assimilasi dengan lebih mudah kedalam masyarakat dominant Melayu.

(c) include in any Malay Reservation any land excluded therefrom.

Such declaration shall take effect on publication thereof in the Gazette.

5. All alienated or State Land included within the boundaries declared under Section 3 or 4 shall be included in a Malay Reservation.

6. (1) Save as hereinafter provided in this Enactment, where any Reservation land is held under a document of title by a Malay, no right or interest therein shall vest, whether by transfer, sale in execution of a decree, sale at the instance of a charge or otherwise, in any person who is not a Malay and whose any Reservation land is held under a document of title by a Siamese, no right or interest therein shall vest, whether by transfer, sale in execution of a decree, sale at the instance of a charge or otherwise, in any person who is not either a Malay or a Siamese.

(2) Any document or agreement purporting to vest in any person any right or interest contrary to the provisions of sub-section (1) shall be void.

7. If at any time it shall appear to the satisfaction of the State Council that any Malay or Siamese has attempted to vest in any person any Reservation land held by him under any document of title, contrary to the provisions of Section 6, the State Council may, by order in writing, signed by the President of the State Council, direct that all interest of such Malay or Siamese as the case may be, in such land shall be forfeited and upon the registration of such written order in the manner prescribed in Enactment No. 55 (Land), such land shall vest in the Sultan absolutely; provided that one month's notice to show cause against such forfeiture shall have been served upon such Malay or Siamese, as the case may be, and may still not have been given to the satisfaction of the State Council within the period specified in the notice.

8. (1) No State land included in a Malay Reservation shall be sold, leased or otherwise disposed of to any person who is not either

(a) a Malay; or

(b) a Siamese certified by the Director in writing to be a Siamese agriculturalist permanently resident in the State.

(2) The provisions of sub-section (1) shall not affect the rights of any holder of a Surat Akuan where such rights were acquired prior to the inclusion of the land comprised in such Surat Akuan in a Malay Reservation.

MALAY RESERVATIONS.

4. The State Council may at any time either at its own instance or upon the application of any person by declaration in the *Gazette*:

(a) alter the limits or boundaries of any Malay Reservation, or

(b) revoke any declaration under Section 3, either as to the whole or any part of the area therein referred to, or

(c) include in any Malay Reservation any land excluded therefrom.

Such declaration shall take effect on publication thereof in the *Gazette*.

5. All alienated or State Land included within the boundaries declared under Section 3 or 4 shall be included in a Malay Reservation.

6. (1) Save as hereinafter provided in this Enactment, where any Reservation land is held under a document of title by a Malay, no right or interest therein shall vest, whether by transfer, sale in execution of a decree, sale at the instance of a chargee or otherwise, in any person who is not a Malay and where any Reservation land is held under a document of title by a Siamese no right or interest therein shall vest, whether by transfer, sale in execution of a decree, sale at the instance of a chargee or otherwise, in any person who is not either a Malay or a Siamese.

(2) Any document or agreement purporting to vest in any person any right or interest contrary to the provisions of sub-section (1) shall be void.

7. If at any time it shall appear to the satisfaction of the State Council that any Malay or Siamese has attempted to vest in any person any Reservation land held by him under any document of title, contrary to the provisions of Section 6, the State Council may, by order in writing, signed by the President of the State Council, direct that all interest of such Malay or Siamese as the case may be, in such land shall be forfeited and upon the registration of such written order in the manner prescribed in Enactment No. 56 (Land), such land shall vest in the Sultan absolutely; provided that one month's notice to shew cause against such forfeiture shall have been served upon such Malay or Siamese, as the case may be, and cause shall not have been shewn to the satisfaction of the State Council within the period prescribed in the notice.

8. (1) No State land included in a Malay Reservation shall be sold, leased or otherwise disposed of to any person who is not either

(a) a Malay; or

(b) a Siamese certified by the Director in writing to be a Siamese agriculturalist permanently resident in the State.

(2) The provisions of sub-section (1) shall not affect the rights of any holder of a Surat Akuan where such rights were acquired prior to the inclusion of the land comprised in such Surat Akuan in a Malay Reservation.

MALAY RESERVATIONS.

9. Nothing in Section 6 contained shall be deemed to prevent the leasing of Reservation land by a Malay to a person other than a Malay or by a Siamese to a person other than a Malay or a Siamese for a term not exceeding three years; provided that any document executed prior to or during the continuance of such term which purports to extend the term, whether by renewal of the lease or otherwise, beyond three years shall be void and provided further that no bendang land included in a Malay Reservation, which is held by a Malay or a Siamese under any document of title and whereof the area does not exceed ten relongs shall be leased to any person other than a Malay or either a Malay or a Siamese as the case may be without the written consent of the Land Officer of the district in which such land is situate.

10. No power of attorney—

(a) whereof the donee or any donee is not a Malay, if it relates to Reservation land held by a Malay under any document of title;

(b) whereof the donee or any donee is not either a Malay or a Siamese if it relates to Reservation land held by a Siamese under any document of title;

shall be irrevocable or shall be valid for more than three years.

11. Notwithstanding anything in Section 6 contained, where any Reservation land, held by a Malay or a Siamese under any document of title, is the subject of a charge created prior to the declaration by which the land was included in a Malay Reservation, such land may, with the written consent of the President of the State Council and subject to such conditions or limitations as the President of the State Council may see fit to annex to such consent, be sold at the instance of the chargee to a person other than a Malay or either a Malay or a Siamese as the case may be.

12. (1) On the declaration of a Malay Reservation and on the inclusion in any existing Malay Reservation of any land previously excluded therefrom the Land Officer for the district within which such Malay Reservation is situate shall publish in the manner hereafter provided a proclamation in the form of Schedule A and may at any time thereafter serve a notice in the form of Schedule B on any person having a registered title to land within the area so declared or included.

(2) Proclamations issued under the provisions of sub-section (1) shall be posted at every mosque and police station and other place of public resort in the area to which they refer and shall be read in public by the Penghulu at such places as the Land Officer shall in each case direct.

13. (1) On the taking effect of any declaration under Section 3 or 4 of this Enactment the Director or the Land Officer, as the case may be, shall inscribe conspicuously across the face of the

BAB 5

ASSIMILASI DI BIDANG KEBUDAYAAN

Sebelum diteruskan perbicangan pokok bab ini iaitu mengenai assimilasi kebudayaan, perlu disentuh sedikit tentang perbedaan diantara konsep integrasi kebudayaan dan assimilasi kebudayaan. Apa yang ditekankan dalam istilah 'integrasi kebudayaan' ialah penyertaan bersama oleh anggota-anggota masyarakat di dalam kegiatan-kegiatan kebudayaan yang diadakan oleh golongan etnik yang berlainan itu. Konsep 'assimilasi kebudayaan' sebaliknya, merujuk kepada satu proses dimana sesuatu kumpulan etnik menghilangkan identiti kebudayaannya dan menyesuaikan diri dengan kebudayaan dan cara hidup kumpulan 'dominant' (Banton, 1950). Kedua konsep ini saling berkaitan, bahkan assimilasi kebudayaan itu merupakan hujutan dari proses integrasi kebudayaan. Dalam bab-bab yang lalu telah dibincangkan berbagai bidang dimana anggota-anggota masyarakat berpeluang untuk berinteraksi dan berintegrasi. Sejauhmana ini telah membawa pada assimilasi dalam kebudayaan akan dibincangkan selanjutnya.

Dalam proses migrasi ke Tanah Melayu orang Thai telah membawa bersama unsur-unsur tradisi dan budaya negara asal nenek moyang mereka. Sebahagian besar dari kebudayaan ini telah dapat dikekalkan hingga ke hari ini. Tetapi di dalam setengah aspek, terutamanya aspek kebudayaan yang bercorak kebendean atau "material culture" proses assimilasi telah berlaku dengan nyata.

A. BAHASA

Selaras dengan komposisi etnik maka terdapat dua bahasa penting yang dipertuturkan di sini. Pada keseluruhanya Bahasa Melayu merupakan bahasa yang paling luas digunakan jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain. Dari kajian yang dibuat didapati banyak dari orang bukan Melayu, khususnya orang Thai, berkebolehan menggunakan Bahasa Malaysia dengan begitu baik, terutamanya bahasa loghat Kedah. Bahasa Malaysia adalah penting sebagai bahasa perantaraan dalam hubungan individu-individu yang berlainan latarbelakang etnik.

Satu faktor penting yang mendorong orang Thai untuk menggunakan Bahasa Malaysia ialah sistem pelajaran itu sendiri. Kebanyakan mereka mula mengenal huruf semasa dibangku sekolah. Pada satu ketika dahulu sekolah rendah di sini mempunyai dua aliran, iaitu aliran Melayu dan aliran Thai. Sekarang ini cuma aliran bahasa pengantar Melayu saja dikesalkan.

Sesama mereka, orang Thai bertutur dalam bahasa ibunda mereka. Banyak diantara mereka boleh juga menulis dalam bahasa Thai terutamanya mereka yang pernah mendapat pelajaran tinggi secara formal. Oleh kerana sikap mereka yang sangat cintakan bahasa tindakan pihak berkuasa menghapuskan aliran bahasa Thai pada mulanya disambut dengan perasaan yang kurang senang oleh kumpulan orang Thai ini. Mereka khuatir yang langkah kerajaan ini akan menafikan jenerasi anak cucu daripada mengetahui bahasa ibunda mereka sendiri. Hakikat ini telah diterima

oleh mereka sekarang ini. Namun begitu, mereka berjaya mendesak pihak berkuasa mengekalikan matapelajaran bahasa Thai sebagai matapelajaran yang 'optional' di sekolah itu. Disamping itu kanak-kanak Thai digalakan oleh ibubapa menghadiri kelas bahasa khas di wat yang dikelolakan oleh sami-sami. Wat atau rumah beribadat ini memang memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan pengetahuan bahasa Thai dikalangan orang Thai sekarang ini.

Satu perkara yang menarik perhatian penulis ialah kebolehan orang Melayu bertutur dalam bahasa Thai dengan fasih. Lebih setengah daripada responden-responden yang ditemui menyatakan bahawa mereka boleh beresakap Thai. Malah ada diantara mereka yang menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa utama di rumah mereka. Ini merupakan satu aspek yang memperlihatkan pengaruh Thai yang agak kuat di dalam masyarakat ini.

Proses assimilasi dalam bidang bahasa ini juga dicerminkan oleh perubahan-perubahan dalam struktur ayat dan perbendaharaan kata bahasa pertuturan Thai dimana perkataan-perkataan bahasa Melayu diselit dan tokoktambah di sanasini. Sebagai contoh diambil satu ayat lengkap "Raew may wang" yang bermaksud "Kami tidak senang". Tetapi di dalam pertuturan mereka cuma dikatakan "Raew may senang". Di sini perkataan "wang" telah digantikan dengan perkataan Melayu "senang".

Satu lagi contoh ialah dalam ayat "Phom khon con" yang bermaksud "Saya orang susah". Tetapi apa yang biasa dicakapkan ialah "Phom khon susah" saja. Perubahan dari segi linguistik seperti ini terdapat dengan begitu banyak sekali. Jadi di sini dilihat bahawa

bahasa Thai, sementara dapat mempengaruhi orang Melayu, sedang mengalami perubahan daripada bentuk asalnya akibat kemasukan unsur-unsur bahasa Melayu.

B. SISTEM KEPERCAYAAN

Ini adalah satu bidang kebudayaan yang pada keseluruhannya masih dikekalkan oleh golongan orang Thai. Kesemua mereka merupakan penganut-penganut ugama Buddha (Mazhab Theravaddha). Semenjak kedatangan mereka beberapa kurun yang lalu orang Thai telah membina sebuah rumah beribadat yang dipanggil "Wat" untuk mereka menjalankan segala kegiatan keugamaan.

Ugama Buddha lahir di India pada kira-kira 500 sm. dan kemudian berpecah kedalam dua mazhab yang sama kuat pengaruhnya, Mazhab Mahayana yang juga dikenali sebagai 'The Northern School' telah berkembang ke Negeri China, Jepun, Vietnam dan Tibet sementara Mazhab Theravada atau 'The Southern School' berkembang di Burma, Thailand, Ceylon, Cambodia dan Laos. Banyak sarjana menganggap Mazhab Theravada ini sebagai yang lebih hampir dengan ugama Buddha yang tulin diantara dua mazhab itu.

Seperti dengan ugama Christian dan Islam, ugama Buddha lebih memberi penekanan terhadap dunia akhirat (afterworld) daripada dunia kini. "In its extreme philosophical position, Buddhism holds that man should be preoccupied and never dapat diselihur oleh sejaga.

the visible, physical world is sheer illusion. Only the afterworld, represented by religious symbolism, is real." (A.T.Kirsch, 1973, n.s. 182). Mengikut fahaman ugama Buddha dunia fizikal dalam mana manusia hidup sekarang ini hanyalah merupakan alam sementara. Maka apa yang dipentingkan bukanlah nilai yang ada pada seseorang semasa hidupnya tetapi apa yang diharapkan di dalam dunia akhirat atau "real world" nanti. Ajaran ugama Buddha sebenarnya berputar di sekitar dua doktrin asas iaitu doktrin Karma dan doktrin "Multiple Rebirths".

Mengikut doktrin KARMA semua tindakan manusia itu dikaitkan dengan 'merit' dan 'demerit' (dalam bahasa Thai 'bun' dan 'bab'). Segala perbuatan yang baik akan menerima 'bun' dan perbuatan yang sebaliknya menerima 'bab'. Prinsip 'bun dan bab' ini, pada asasnya, adalah sama dengan prinsip pahala dan dosa dalam ugama Islam. Yang berbeza ialah, mengikut ugama Islam, pahala dan dosa itu ditentukan oleh Tuhan manakala bun dan bab mengikut ugama Buddha ditetapkan bukan oleh Tuhan tetapi sejenis "cosmic computer".

Doktrin "Multiple Rebirths" mengutarakan bahawa manusia itu akan melalui satu proses kelahiran yang berulangkali. Setiap kali ia dilahirkan kedudukan dan statusnya akan berubah mengikut berapa banyak 'merits' dan 'demerits' yang dibuatnya dalam hidup yang lepas. Dalam lain ertikata, keadaan hidup seseorang sekarang ini adalah satu 'reflection' kepada keadaan hidupnya di dalam 'dunia' yang terdahulu itu. Sekiranya ia telah banyak berbuat jasa dan kebaikan maka seharusnya ia mempunyai kedudukan dan status yang lebih baik sekarang ini. Proses ini adalah berpanjangan dan tidak dapat dielakkan oleh sesiapa. Namun

demikian akan tiba suatu masa dimana seseorang itu telah memperolehi banyak sekali "bun" ini sehingga ia terbebas daripada proses "rebirth" ini. Manusia ini dikatakan "perfect" dan sudah mencapai NIRVANA. (Phillips Herbert, 1965).

Berdasarkan prinsip 'merit-making' ini juga maka terjelma susunapis di dalam sistem sosial masyarakat Thai. Mengikut susunapis ini yang tertinggi sekali tarafnya ialah 'Dewadda' yang tinggal di syurga. Di bawah Dewadda ialah 'Manut' atau manusia. Kemudiannya terletak 'Sad' (binatang), 'Phi' (hantu) dan di bawah sekali 'Preet' (syaitan). Setiap tingkat susunapis ini pula mempunyai pembahagian kecil atau 'sub-division'nya. Dikalangan manusia biasa yang diberi status yang tertinggi sekali ialah sami-sami.

Sungguhpun ugama Buddha dan ugama Hindu mempunyai kaitan yang rapat mereka berbeda dalam pendekatan terhadap setengah konsep ugama. Kedua ugama Buddha dan Hindu umpamanya, mengamalkan sistem susunapis. Tetapi dalam fahaman Hindu susunapis ini adalah sesuatu yang rijid berbanding dengan susunapis ugama Buddha yang lebih flexible. Mengikut ugama Hindu seseorang yang dilahirkan kedalam sesuatu "caste" itu akan tetap di dalamnya sampai bila-bila. Sebaliknya dalam ugama Buddha seseorang itu diberikan kesempatan untuk meninggikan status sosial dan moralnya. Cara yang paling senang untuk berbuat demikian ialah melalui "merit-making". (Nash, Manning, 1965).

Ugama Buddha juga berbeda dari Hindu dalam sifat universalismanya. Dalam ugama Hindu peraturan-peraturan asas berbeda diantara satu caste

dengan yang lain manakala hukum-hukum di dalam ugama Buddha adalah sama untuk semua orang kecuali sami-sami yang mesti patuh kepada 227 hukum ugama. Pada asasnya, setiap penganut fahaman Buddha harus mengamalkan lima hukum penting iaitu mengelak daripada mencuri, membunuh, bercakap bohong, minum arak dan berzina. Mereka yang lebih alim biasanya mematuhi tiga lagi hukum tambahan iaitu tidak boleh makan selepas tengahari, melibatkan diri dalam hiburan dan tidur di atas tilam yang tinggi. Dikalangan masyarakat Thai sami-sami ini merupakan orang yang paling taat kepada hukum-hukum ugama. Oleh itu cara yang paling baik bagi seorang Thai mendapat 'merits' ialah dengan menjadi sami dan mengikuti ugama Buddha sesiapa saja boleh berbuat demikian.

Kehidupan Seorang Sami Thai

Mengikut adat orang Thai setiap anak lelaki seharusnya menjadi sami sekurang-kurangnya tiga minggu dalam hidupnya. Sungguhpun tidak ada sebarang paksaan dari segi ugama, masyarakat Thai memandang berat akan pengekalan tradisi ini. Seorang ibu atau bapa menganggap dirinya menerima suatu berkat apabila salah seorang anak lelakinya meninggalkan keluarga untuk menunaikan kewajipannya untuk masuk menjadi sami.

Secara fizikal, seorang sami itu berkain kuning dan bercukur kepala. Ia tinggal bersama-sama sami-sami lain di rumah berhala atau 'Wat' yang biasanya terletak di kawasan yang senyap-sunyi dan terpencil dari orangramai.

Selain daripada hukum-hukum asas yang dipatuhi oleh semua orang biasa, seorang sami itu harus ikuti disiplin dan hukum-hukum

tambahan yang kesemuanya berjumlah 227. Diantara peraturan yang terpenting ialah bahawa seorang sami itu tidak boleh berkahwin ataupun menyentuh orang perempuan dengan sengaja. Ia juga, secara idealnya, tidak boleh membuat kerja seperti menyangkul atau menanam pokok oleh kerana dalam berbuat demikian dia mungkin tersalah bunuh benda-benda hidup kecil. Seorang sami harus menetap di Wat dan tidak digalakkan berjalan jauh. Oleh kerana kehidupan mereka di dalam "a life of restraint" ini maka sami-sami Buddha ini mendapat penghormatan dari semua anggota masyarakat Thai. Di sinilah dimana mereka menjadi lebih superior dari segi moral dan ugama.

Sebagai satu manifestasi penghormatan mereka terhadap sami-sami maka orang-orang Thai biasanya tidak duduk di atas tempat-tempat yang sama tinggi dengan sami-sami itu. Dalam pergaulan dengan sami-sami bahasa yang digunakan itu adalah lebih halus dan bersopan. Gelaran 'Ong' selalunya dipakai untuk merujukkan kepada seorang sami tetapi orang biasa cuma dipanggil 'khun' atau 'nai'. Selain daripada sami hanya Raja saja yang boleh menggunakan gelaran 'Ong' ini.

Oleh kerana peraturan ugama tidak membenarkan sami-sami untuk bekerja maka mereka ini hanya berharapkan kepada masyarakat kampung untuk memberi mereka makanan dan lain-lain keperluan asas untuk hidup. Orang-orang barat memandang hal ini sebagai menunjukkan hidup sami yang membebankan orang-orang biasa. Tetapi masyarakat Thai menganggap bantuan yang diberikan kepada sami-sami sebagai sesuatu yang akan membawa 'merits'. Dengan lain ertikata, sami-sami ini memberi kesempatan

kepada setiap orang Thai untuk menyumbangkan jasa baktinya terhadap ugama serta menyediakan dirinya untuk hidup yang akan datang.

Berbeda dengan padri Christian seorang sami Buddha tidak terikat kepada disiplin ugama seumur hidup. Sekiranya dia berasa tidak lagi dapat meneruskan kehidupannya sebagai sami, seseorang itu adalah bebas untuk keluar memasuki masyarakat biasa semula. Oleh kerana sebab inilah kebanyakan orang Thai menjadi sami sekurang-kurangnya sekali di dalam hidupnya. Masa yang paling sesuai untuk berbuat demikian ialah di musim "lenten" dimana kerja-kerja sawah sudah tidak begitu mendesak. (Jurnal Siemratt, Bangkok, 1974).

Peranan Ugama dalam Masyarakat Thai

Mengikut Durkheim, ugama itu merupakan simbol perpaduan di dalam masyarakat. Pengamalan prinsip dan rukun ugama yang sama menarik perhatian semua manusia kepada satu identiti yang sama dan inilah yang menjadi asas kepada integrasi di dalam masyarakat yang tradisional (Durkheim, 1933). Tetapi dalam sistem sosial orang Thai peranan ugama itu adalah lebih dari setakat menyatupadukan anggota-anggota di dalam masyarakat saja.

Sejak berkurun-lagi Wat Thai merupakan institusi yang bukan sajalah memberikan pendidikan moral dan ugama tetapi juga pelajaran bahasa, ilmu kemasyarakatan dan seni pertukangan. Disamping itu Wat ini juga merupakan pusat perubatan tradisional. Di Pekan Naka ini kewajiran sami sami dalam ilmu tradisional ini adalah popular bukan saja dikalangan

penduduk Thai bahkan juga dikalangan orang-orang Melayu. Kepada kebanyakan orang Thai Wat ini merupakan tempat dimana mereka mula mengenal huruf-huruf Thai. Pelajaran yang diberikan oleh saai-samai ini adalah secara sukarela dan tidak melibatkan apa-apa bayaran.

Wat ini juga merupakan tempat perjumpaan sosial bagi orang-orang Thai. Di sinilah mereka selalu berhimpun di masa-masa lapang atau bila adanya sesuatu perjumpaan yang resmi. Aktiviti-aktiviti kebudayaan seperti manora, wayang kulit, pesta air 'Songkran' dan "loy-kratong" juga diadakan di sini.

Hari Kebesaran Ugama

Diantara hari-hari kebesaran ugama Thai ialah Hari Wesak dan Mathak. Kedua hari ini biasanya disambut dengan penuh adat istiadat ugama. Hari Wesak ialah hari yang memperingati kelahiran, kematian dan pencapaian Nirvana Buddha. Di hari ini orang Thai berhenti dari kegiatan harian mereka dan pergi ke Wat untuk bersembahyang. Diantara benda-benda yang dibawa bersama mereka ke rumah beribadat ini termasuklah bunga-bunga. Bagi masyarakat Thai bunga itu adalah simbol kemakmuran dan kesemurniaan hidup dan persembahan bunga kepada Buddha adalah sebagai suatu permintaan agar hidup mereka itu menjadi aman dan sentosa.

Satu lagi hari yang disambut dengan meriahnya ialah hari perayaan upacara menjadi sami. Di hari ini ibubapa serta keluarga dan kawan-kawan memberikan ucap selamat kepada bakal sami yang akan menempuh jalan hidup yang baru itu. "The young monk's parents also

give him up, and by doing so they gain merit for themselves; this is particularly true of the mother, who is considered especially attached to her son." (Kirsch, 1973, m.s. 185). Untuk seorang ibu, perpisahan ini merupakan saat yang paling dihargai dalam hidupnya. Kemasukan anaknya kedalam hidup sebagai seorang sami ini adalah perbuatan yang akan mendatangkan "merits" kepada keluarga. Lebih dari itu masyarakat juga akan memandang tinggi kepada ibubapa ini kerana dapat membawa anak mereka kejalan ugama yang betul.

Perhubungan ugama dengan Thailand

Bagaimana kuatnya perhubungan ugama masyarakat Melayu dengan negeri Arab, begitu juga kuatnya perhubungan orang Thai di Malaysia dengan negeri Thai. Segala yang berkaitan dengan ugama tidak dapat tidak dirujukkan kepada Thailand. Kebanyakan buku-buku ugama, alat-alat dan pakaiannya kegunaan sami-sami adalah dibawa dari negeri itu. Kerja mengukir dan membina rumah ibadat atau Wat juga dibuat oleh tukang-tukang yang didatangkan khas dari Thailand.

Kerajaan negeri Thai mengambil tahu akan kegiatan ugama dalam masyarakat Thai di sini. Jabatan Hal Ehwal Ugama yang berpusat di Bangkok telah membantu sami-sami di Kedah ini untuk melanjutkan pelajaran ugama mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi di negeri itu. Pada masa ini terdapat tidak kurang dari limabelas orang sami dari sini yang sedang meneruskan pelajaran mereka di Bangkok. Disamping itu Jabatan Ugama Negeri Thai itu juga mengelolakan peperiksaan ugama untuk sami-sami yang diadakan di Alor Star pada tiap-tiap tahun. Perlantikan

ketua sami yang diberikan gelaran "Chau Khun" juga dibuat oleh Jabatan
ini.

Kerajaan Thai juga pernah memberi bantuan kewangan kepada Wat
Thai di negara ini. Wat Nikhrodharam yang terletak di Alor Star setakat
ini telah menerima lebih dari \$100,000/- untuk tabung pembinaan bangunan
barunya. Perdana Menteri Thai, Thanom Kitikachorn (sebelum digulingkan)
turut dijemput untuk menghadiri upacara pembukaan Wat itu yang diadakan
beberapa tahun yang lalu.

Dengan itu dapat dilihat akan peranan kerajaan negeri Thai dalam
mengekalkan ugama Buddha dikalangan masyarakat Thai di negeri ini,
khususnya di Kedah. Campur tangan kerajaan Thai ini adalah terbatas
kepada bidang ugama dan sedikit dibidang kebudayaan saja. Walaupun
demikian "religious attachment" masyarakat Thai di sini dengan negeri
Thai adalah begitu kuat sekali. Oleh kerana inilah maka assimilasi
dibidang ugama tidak dapat berlaku dengan luas. Segala nilai dan norma
keugamaan masih dipertahankan dalam corak yang asal. Dasar kebebasan
berugama yang diamalkan di negeri ini juga menjadi faktor penting yang
membolehkan masyarakat Thai ini memperkuatkan fahaman dan kepercayaan
mereka sungguhpun mereka hidup di dalam sebuah negara Islam.

Masyarakat Thai dengan Islam

Islam merupakan ugama resmi di negara ini. Namun demikian
semua kumpulan etnik yang ada diberi kebebasan untuk berugama mengikut
kehendak masing-masing. Secara amnya, pembahagian ugama yang terdapat

di Malaysia ini adalah selaras dengan pembahagian kumpulan etnik yang ada - orang Melayu berugama Islam, India berugama Hindu dan China berfahaman kepercayaan yang berakibat dari hasil campuran falsafah ugama Buddha, Confucianisme dan Taoism. Usaha sedang dijalankan oleh Jabatan Ugama dan juga PERKIM untuk memperkembangkan fahaman ugama Islam dikalangan kumpulan-kumpulan etnik lain termasuk golongan minoriti. Akibat dari usaha ini banyak orang China, India dan juga orang asli telah memeluk ugama Islam.

Tetapi dikalangan masyarakat Thai di negeri ini, khususnya di tempat yang dikaji, pengaruh Islam masih tidak meluas. Dari keterangan yang didapati hanya terdapat seorang saja anggota masyarakat Thai yang telah memeluk ugama Islam selama ini. Walaupun demikien mereka memahami akan nilai-nilai sosial orang Muslim dan telah cuba menyesuaikan diri dengan cara hidup mereka. Perbedaan ugama tidak dijadikan alasan untuk menimbulkan konflik antara mereka. Orang Melayu juga jarang menunjukkan sebarang sikap yang kurang menyenangkan terhadap orang Thai di dalam hal-hal yang bersangkutan dengan ugama. Kedua kumpulan ini masing-masing mengamalkan prinsip 'religious tolerance' dan ini adalah satu-satu sebabnya yang penting yang membawa integrasi dikalangan mereka yang berlainan ugama itu.

ii. Majik/Kebomohan

Pengaruh majik dalam masyarakat di sini adalah agak meluas. Orang Thai, terutamanya, memang terkenal dengan kebolehan dalam ilmu majik dan kebomohan. Dari segi corak dan penggunaan, majik

yang dipraktikkan oleh orang Melayu dan Thai adalah sama. Yang berbeda cuma yang majik Thai disesuaikan dengan ugama Buddha tetapi majik Melayu disesuaikan dengan Islam. Dalam jampi serapah orang Melayu kerapkali diselitkan ayat-ayat suci dari Al-Quran manakala/orang Thai biasanya dibuat di dalam bahasa Sanskrit dan Pali.

Pada keseluruhannya masih tidak terdapat tanda-tanda assimilasi di dalam bidang ini. Majik Thai yang diwarisi dari negeri Siam itu masih dikenalkan dalam bentuk asalnya. Satu sumbangan penting ilmu majik dan kebonohan ialah di dalam menggalakkan integrasi dikalangan anggota-anggota masyarakat. Kedua bomoh-bomoh Melayu dan Thai ini menjadi tumpuan orangramai tidak kira apa golongan etnik. Ada juga orang Melayu yang pernah meminta rawatan secara tradisional daripada ketua sami di sini.

iii. Folkways dan Moras

Selain dari kepercayaan ugama dan majik orang Thai juga mempunyai adat-adat lain yang bercorak folkways dan moras. Ini dapat dilihat dalam berbagai adat istiadat dan pantang larang yang mereka ikuti. Orang-orang tua malarang anak-anak bersiul di dalam rumah kerana ini dapat membawa sesuatu yang kurang baik kepada keluarga. Memotong kuku di waktu malam juga dilarang.

Bulan gerhana dianggap oleh orang Thai sebagai satu amalan yang buruk. Mengikut orang-orang tua berlakunya gerhana ialah kerana bulan yang dipanggil mereka sebagai "Phra Catn" ditelan oleh gergasi "Rahula". Oleh itu apabila kejadian ini berlaku mereka akan berpekitik-pekitik

sambil mengetuk gendang dan tin-tin kosong supaya "Rahula" malepaskan "Phra Ca:n" itu. Dewasa ini kepercayaan kolot ini masih diteruskan oleh segelintir orang tua-tua saja lagi.

Hujan panas pula dikatakan menandakan berlaku sesuatu yang tidak baik. Oleh itu kanak-kanak kecil dilarang bermain di dalam hujan itu kerana ini boleh membawa sakit dan demam. Kepercayaan ini juga meluas dikalangan setengah orang Melayu. Bahkan ia dikatakan diassimilasikan daripada kebudayaan Melayu.

iv. Semangat Padi

Orang Thai juga percaya kepada semangat padi. Pada tiap-tiap tahun diadakan satu upacara memuja semangat padi yang akan dikelolakan oleh seorang bomoh. Semangat padi ini dikatakan kononnya hidup berkelamin - yang lelaki dinamakan "TA BUT" dan yang perempuan "JAY BUT". Sebelum seorang petani memulakan membajak sawah ia harus menunggu hari baik dan bulan baik. Penentuan ini biasanya dibuat oleh seorang tua yang tahu sedikit tentang ilmu kebomohan. Orang Melayu juga mempunyai kepercayaan tentang semangat padi tetapi dari segi ritual mereka berbeda.

v. Perbidanan

Sungguhpun sekarang ini perubatan secara moden telah mempengaruhi penduduk-penduduk di sini, unsur-unsur tradisi masih dikekalkan terutamanya dalam bidang perbidanan. Nama Tok Chi Si iaitu seorang bidang berbangsa Thai adalah begitu terkenal dikalangan orang-orang Thai dan juga setengah orang-orang Melayu di sini.

Seseorang wanita yang menerima rawatan secara tradisi semasa melahirkan anaknya terpaksa mengikut beberapa pantang larang. Ia umpamanya tidak dapat keluar dari rumahnya sebelum tempoh 44 hari. Disepanjang masa ini Tok Bidan biasanya akan memberi jagaan yang intensif terhadapnya. Bantuan yang diberi itu tidak dikenakan bayaran selain dari \$24/- sebagai wang saguhati yang dipanggil "Bait Khr'at". Enam bulan selepas tarikh kelahiran anaknya perempuan yang berkenaan itu harus melalui satu ritual mencuci rambut Tok Bidan dengan air wangi dan sejenis akar kayu yang dipanggil 'saba'. Istiadat ini merupakan satu tanda penghormatan terhadap Tok Bidan kerana bantuan yang diberikannya. Biasanya beliau juga diberi hadiah beras, gula dan sedikit wang.

Tok Bidan yang berkenaan ini pernah juga membantu wanita-wanita Melayu dalam melahirkan anak. Tetapi orang Melayu tidak diharuskan melalui proses ritual tersebut. Pada suatu ketika dahulu Tok Bidan ini pernah menjadi penolong kepada bidan kerajaan yang bertugas di sini.

vi. Kepercayaan Terhadap Penunggu

Selain daripada kepercayaan terhadap semangat padi pengaruh assimilasi dalam sistem sosial orang Thai juga dilihat di dalam kepercayaan terhadap penunggu atau 'guardian spirit'. Penunggu ini dikenali sebagai "chauthee" dan kononnya tinggal dilingkungan rumah itu sendiri. "Chauthee" ini dikatakan toleng menjauhkan segala kecelakaan dan malapetaka daripada keluarga. Orang Thai biasanya membina sebuah replika rumah yang kecil dihadapan halaman rumah mereka untuk penunggu ini. Disamping membantu penunggu ini juga dapat mendatangkan gejala-gejala

yang tidak baik sekiranya ia tidak diberi penghormatan yang seujarnya. Masih banyak terdapat orang-orang Thai kolot di tempat yang dikaji ini yang mengaitkan demam dan sakit anak-anak mereka dengan penunggu ini. Apabila kanak-kanak menjadi uzur orang-orang tua pun membuat niat kepada "Chauthee" ini supaya menyembuhkan budak itu. Hanya mereka yang berilmu seperti bomoh-bomoh saja yang boleh menjadi orang perantaraan diantara orang biasa dengan penunggu ini.

C. SISTEM KEKELUARGAAN

Pada asasnya sistem kekeluargaan orang Thai adalah bercorak bilateral. Perhubungan kekeluargaan disalurkan melalui kedua nisab ibu dan nisab bapa. Hubungan Ego dengan anggota-anggota dari kedua nisab ini disamaberatkan. Batasan lingkungan persaudaraan adalah kurang jelas dan kadangkala diperluaskan kepada empat atau lima jenerasi. Seseorang itu dianggap adik beradik jika ia mempunyai kaitan darah yang minima dengan Ego. Walaupun demikian perhubungan dikalangan anggota-anggota kekeluargaan ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori seperti berikut:

- i. Khrop khrua
- ii. Phi Nong
- iii. Jat Kiai


"Khrop khrua" ini menunjukkan kepada famili asas seseorang ego. Dalam lingkungan keluarga ini perhubungan diantara individu-individu adalah rapat sekali. Sibapa merupakan ketua "Khrop khrua" dan

bertanggungjawab kepada segala hal yang meliputi keluarga.

Jauh sedikit daripada 'Khrop khrua' ini ialah saudara mara yang digolongkan kedalam kategori 'phi nong'. Mereka yang terlibat di dalam kategori ini termasuklah anggota-anggota famili adik beradik, ibu dan bapa. Perkahwinan dikalangan anggota-anggota 'phi nong' ini tidak digalakkan.

Perhubungan kekeluargaan yang paling jauh ialah diantara ahli-ahli "Jat Khalai". Perkahwinan dikalangan anggota-anggota yang tergolong kedalam peringkat ini adalah dibenarkan.

Pembahagian kekeluargaan kedalam 'sub groups' di dalam masyarakat Thai ini dapat dibandingkan dengan sistem kekeluargaan orang Iban di Sarawak yang membahagikan anggota-anggota kekeluargaan kedalam lima kategori iaitu bilik-famili, kaban, juru, suku dan orang bukai mengikut perhubungan dengan ego secara respektif. (Freedman, 1970).



Sistem Kekeluargaan Thai

Perkahwinan

dalam masyarakat Thai kedua perkahwinan bentuk patrilocal dan

matrilocal adalah sama dipentingkan. Sepasang suami isteri itu, selepas berkahwin, boleh tinggal di rumah keluarga perempuan atau di rumah lelaki. Banyak juga terdapat mereka yang keluar tinggal di rumah mereka sendiri.

Sebelum perkahwinan diaturkan pasangan remaja itu akan menemui ketua sami atau ahli-ahli nujum untuk mempastikan samada mereka berdua itu setanding dari segi astroloji. Sekiranya silelaki itu mempunyai kualiti astrolojikal 'kayu' dan siperempuan 'api' maka mereka dikatakan tidak padan oleh kerana kayu dapat dimakan api. Ramalan astroloji tidak lagi begitu popular sekarang ini. Kebebasan untuk mencari jodoh adalah terletak ditangan teruna dara itu sendiri.

Adat berkahwin

Majlis perkahwinan adalah sangat dipentingkan oleh orang Thai dan dengan demikian biasanya diadakan dengan cara yang begitu "elaborate" sekali.

Sebelum pasangan pengantin itu disahkan sebagai suami isteri mereka harus melalui beberapa procedure tertentu. Ini bermula dengan adat meminang yang dilakukan oleh pihak lelaki (biasanya oleh saudara maranya). Apabila dipersetujui oleh ibubapa sigadis herkenaan itu maka tarikh pertunangan ditentukan. Semasa di hari pertunangan pihak lelaki akan menghantar satu delegasi yang biasanya terdiri dari adik beradik sendiri, ke rumah siperempuan dengan membawa bersama mereka cincin pertunangan

dan wang mas kahwin sebanyak \$24/- atau \$48/- (wang hantaran belanja akan diberi sebelum hari perkahwinan). Mereka juga membawa beberapa "CHIAN" iaitu sejenis mangkok perak yang dihiasi dengan kapur sirih khas untuk tujuan tersebut. Pemberian "CHIAN" ini adalah satu perkara yang significant di dalam adat perkahwinan orang Thai. Bilangan "CHIAN" yang diberi biasanya adalah mengikut status dan kedudukan keluarga-keluarga yang terlibat.

Upacara hari perkahwinan diadakan lebih kurang enam bulan dari hari pertunangan. Ini dimulakan dengan istiadat "PRAK NAM SANG" yang seakan-akan dengan istiadat bersanding orang Melayu. Dalam upacara ini ibubapa kedua pengantin, para jemputan khas dan saudara mala masing-masing mengambil giliran merenjiskan air wangi kepada pasangan pengantin itu. Upacara ini telah memang ada dalam istiadat perkahwinan Thai dan bukanlah satu gejala yang diambil dari kebudayaan Melayu.

Di negara Thai pengesahan perkahwinan dibuat oleh seorang wakil dari Pejabat Hal Ehwal Pernikahan. Tetapi di sini seorang yang bertanggungjawab dalam perkara ini ialah seorang tua yang digelar "Tok Imam". Perkataan "Tok Imam" di sini bukanlah bermaksud Tok Imam dalam ertikata bahasa Melayu tetapi perkataan yang dicipta khas oleh masyarakat Thai di sini untuk jawatan orang yang bertugas sebagai pengesah perkahwinan. Tetapi adalah ternyata bahawa perkataan ini dipinjamkan daripada bahasa Melayu. Sungguhpun perkataan ini sebenarnya disalahgunakan oleh orang Thai tetapi ianya membawa satu implikasi penting iaitu bagaimana orang Thai cuba sesuaikan diri dengan sistem simbol orang Melayu.

Sistem Perwarisan

Sistem perwarisan dalam masyarakat Thai adalah berdasarkan prinsip 'equality'. Semua anggota dalam famili mempunyai hak yang sama keatas harta-harta keluarga, tidak kira lelaki atau perempuan. Sekiranya ibubapa meninggal maka sianak yang sulung, secara idealnya, akan mengambil peranan sebagai penjaga kepada harta benda itu sehingga iaanya dibahagikan dikalangan anggota-anggota keluarga yang ada. Walau bagaimanapun seorang bapa itu berhak, semasa dia masih hidup, untuk membahagikan harta pesaka mengikut kehendaknya.

Kebanyakan lelaki yang sudah berkahwin, selepas tinggal beberapa waktu di rumah bapanya, biasanya akan keluar mendirikan rumahnya sendiri. Dalam berbuat demikian dia diberikan sedikit tanah dan pesaka lain untuk dijadikan kepunyaannya. Anak perempuan yang bongsu selalunya tinggal di rumah famili itu bersama-sama dengan suami dan ibubapanya dan akan mewarisi pesaka yang baki.

Disamping tanah dan lain harta pesaka yang bercorak kebendaan orang Thai juga mewarisi nama-keluarga (surname) atau "nam-sakun". Nama orang-orang Thai jika diperhatikan, kebanyakannya adalah terbentuk dari dua perkataan, seperti Kukrit Pramoj, Apasara Hongsakula dan sebagainya. Dalam contoh yang pertama, 'Kukrit' adalah nama seseorang itu yang sebenarnya manakala 'Pramoj' ialah nama keluarga atau "nam-sakun"nya. Masyarakat Thai sangat mementingkan "nam-sakun" ini oleh kerana ia merupakan identiti keluarga yang asas. Kerapkali ia juga menjadi lambang kemegahan sesuatu keluarga. Melalui sistem "nam-sakun"

ini kaitan diantara anggota-anggota masyarakat dapat diketahui. Perwiranian nama-keluarga ini adalah dibuat menerusi pihak lelaki iaitu dari bapa ke anak-anaknya. Seorang perempuan akan mengambil "nam-sakun" suaminya selepas berkahwin.

Berbeda dengan sistem "surname" masyarakat China, penjelmaan solidariti menerusi identiti keluarga dikalangan orang Thai tidak membawa kepada perkelompokan kedalam organisasi lineage atau sistem clan. Dalam masyarakat China orang-orang yang mempunyai "surname" yang sama digelakkkan untuk menubuhkan persatuan-persatuan tersendiri. Ini disamping menyatupadukan anggota-anggota yang sama "surname" telah juga menjelaskan jurang perbedaan diantara clan-clan yang ada. "Nam-sakun" dalam masyarakat Thai lebih merupakan satu formaliti untuk memberikan identiti keluarga saja. Apa yang lebih dipentingkan ialah perhubungan yang sebenarnya ujud dikalangan saudara mara itu. Mereka mengamalkan sistem kekeluargaan yang bercorak bilateral. Hubungan kekeluargaan ini, dalam praktiknya, lebih ditekankan daripada hubungan "nam-sakun" ini oleh kerana hubungan yang kemudian itu hanya terbatas kepada saudara-saudara sebelah lelaki saja.

Secara idealnya semua orang Thai harus menjaga maruah dan status keluarganya. Baik buruk nama keluarga adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota di dalam famili itu.

Vokal yang berperingkat dalam drama Manora ini tidak menggunakan bunyi

D. HIBURAN

i. Manora

Manora adalah sejenis drama tarian tradisional yang agak

popular di negeri Kedah dan Kelantan. Mengikut Dr.Ginsberg, Manora ini berasal dari bahagian selatan negeri Thai dimana ia merupakan satu bentuk kebudayaan yang penting. (Mabin Sheppard, JMBRAS XLIII, pt. II, 1970).

Sehingga hari ini sangat sedikit yang pernah ditulis mengenai Manora iui selain daripada kertas kerja daripada R.Nicholas dan Dr.Ginsberg yang dimuatkan kedalam 'Jurnal of the Siam Society'. Mengikut artikel ini Manora sudah ujud di negeri-negeri Melayu di utara Semenanjung kira-kira 150 tahun yang lampau, khususnya di Kedah dan Kelantan. Bentuk kebudayaan ini sekarang telah mendapat perhatian daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ditempat yang dikaji ini telah lama ujud sekumpulan orang-orang Thai yang mencebur diri di dalam permainan Manora. Kebanyakan mereka adalah terdiri dari orang lelaki. Tradisi Manora di Kedah telah lama melarang orang wanita daripada menyertai lakuan ini dan watak-watak perempuan seperti heroin dan ibu dipangku oleh pelakun-pelakun lelaki yang memakai pakaian perempuan. Keadaan ini sudah banyak berubah sekarang dan watak-watak perempuan dimainkan sendiri oleh pelakun-pelakun wanita.

Perwatakan

Watak yang terpenting dalam drama Nanora ini ialah seorang hero yang dikenal sebagai "Pra Ek". Watak ini dapat dikenali dengan kecopongnya (Thai crown) yang dipanggil "Chert" dalam bahasa Thai. Disamping itu ia juga memakai sabin yang dihiasi manek di atas kedua bahunya dan

"panung" (sejenis sarung) yang dipanggil "Pa Hoi". Watak hero ini juga dibedakan dari watak-watak lain dengan "Pa Sebai" atau sayapnya yang dihiaskan dengan manek yang beranika warna.

Satu watak lain yang penting ialah "Resi" - seorang pertapa yang memakai kain labuh warna kuning dan topeng panjang warna perang. Watak ini juga biasanya memakai janggut. Drama Manora ini mempunyai seorang atau dua pelawak. Mereka ini bertopeng kayu dan selalunya tidak memakai baju. Selain dari itu terdapat beberapa orang pengikut-pengikut hero.

Alat-Alat Muzik

Kebanyakan alat-alat muzik yang dipakai dalam Manora ini adalah sama dengan yang digunakan di dalam permainan wayang kulit dan Nek Yong. Ini termasuklah serunai, gendang, geduk, gedombak, gong dan beberapa pasang kayu bambu yang dipanggil "cherek". Pemain-pemain muzik ini biasanya terdiri dari pelakun-pelakun itu sendiri yang mengambil giliran untuk bermain.

Pengaruh Melayu dalam Manora

Sedikit demi sedikit drama Manora ini dipengaruhi oleh kebudayaan Melayu. Di negeri Kelantan orang-orang Melayu sendiri telah bercampur dalam lakunan-lakunan drama ini. Kerapkali terdapat beberapa orang Melayu yang membantu memainkan alat-alat muzik. Kemasukan unsur-unsur Melayu boleh dilihat dalam cara lakunan drama itu sendiri. Sungguhpun lagu-lagu Manora dinyanyikan dalam bahasa Thai dialegnya diadakan dalam

dua bahasa iaitu Bahasa Thai dan Melayu. "Manora songs are sung with Thai words, but the dialogue will be spoken either in Thai or Malay depending on which racial group predominates in the night's audience". (Mubin Sheppard, JMBRAS XLIII, Pt. II, 1970, n.s.162). Pengaruh Melayu juga terdapat dalam pakaian, terutamanya yang dipakai oleh pelawak-pelawak dan pengikut-pengikut Raja. Kadang-kadang cerita-cerita dongeng tempatan dan watak-watak tambahan Melayu dimasukkan kedalam cerita pokok drama itu. Epik yang paling popular dengan Manora di sini ialah "Phra Suthon", sebuah epik romantik purba.

Drama Manora ini biasa dipersentakan di pesta-pesta kebudayaan yang diadakan dimerata negeri Kedah termasuk di hari kemerdekaan dan hari keputeraan Sultan. Manora juga sering dipertunjukkan di majlis-majlis perkahwinan orang Thai. Di hari ini minat orang-orang muda dan kanak-kanak terhadap permainan Manora ini sudah berkurangan. Oleh itu "spirit of loyalty" terhadap Manora yang pada suatu masa dahulu dipegang dengan kuat sekali oleh anggota-anggotanya haruslah dipulihkan semula sekiranya 'survival' drama tarian ini mahu dipastikan.

ii. Wayang Kulit (Shadow Play)

Wayang kulit di negara ini terdapat dalam tiga jenis: iaitu Wayang Gedek, Wayang Siam dan Wayang Java. Diantara ketiga jenis ini Wayang Siam dan Wayang Java telah mendapat perhatian yang lebih sekali dari pengkaji-pengkaji kebudayaan dibidang ini.

Di Kedah bentuk wayang kulit yang ujud memperlihatkan pengaruh Thai dengan jelas. "The wayang of Kedah appears to be a hybrid, similar

in part to the Thai 'Nang Talung' and in part to the Wayang Siam". (Amin Sweeney, JMBRAS XLVI, pt. I, 1973: ms. 53). Pengaruh ini dapat dilihat di dalam beberapa aspek. Pertamanya, bahasa yang dipakai itu banyak mempunyai persamaan dengan bahasa yang digunakan dalam "Nang Talung" Thai. Dari segi perwatakan juga terdapat unsur-unsur wayang dari selatan negeri Thai. Watak-watak jenaka Ai Keng dan Ai Thong yang berasal dari Wayang Siam telah dipadankan dengan watak-watak jenaka Wayang Kedah.

Cerita-cerita dalam wayang kulit kebanyakannya diasasi atas epik Hindu-Ramayana. Lebih dari 90% dari episod-episod yang diceritakan adalah berputar disekitar watak-watak Seri Rama, Rawana dan Sita Dewi. Hal yang sama juga berlaku di dalam wayang kulit Siam. Disamping cerita pokok yang berasaskan Hikayat Seri Rama ini, biasanya diselitkan cerita-cerita 'ranting' yang dipetik dari dongeng-dongeng Siam. Oleh itu terdapatnya nama-nama orang dan tempat yang berunsur Thai di dalam wayang kulit Kedah ini adalah satu perkara biasa.

Di negeri Kelantan wayang kulit ini selalu dikaitkan dengan elemen ritual. Sebelum memulakan persesembahan atau setelah selesai pertunjukan sidalang yang berkenaan itu akan mengadakan sesuatu upacara ritualnya yang tersendiri. Ritual ini mungkin diadakan sebagai suatu simbol penghargaan terhadap Tok Guru seseorang dalang itu atau dikaitkan dengan lain-lain kepentingaan yang tersendiri. Di negeri Kedah ritual yang beserta itu memperlihatkan banyak unsur-unsur Thai. Di sini "what is known of the ritual is the mixture of Siamese and Malay elements". (Amin Sweeney, JMBRAS XLVI pt. I, 1973).

Pada keseluruhannya pengaruh Thai ini berlaku di dalam aspek-aspek bahasa, perwatakan, kandungan cerita dan dari segi ritual. Cara permainan alat-alat musik juga memperlihatkan unsur-unsur Siam. Persembahan wayang kulit ini biasanya disulami dengan irungan orkes gendang-gendang, gong dan serunai. Secara perbandingan wayang kulit yang ujud di negeri Kedah ini lebih banyak menerima pengaruh elemen-elemen Thai daripada wayang kulit di negeri Kelantan. Ini adalah satu lagi tanda yang memperlihatkan proses assimilasi kebudayaan dikalangan masyarakat Melayu dan Thai di sini.

iii. Silat "Thai"

Silat merupakan satu kebudayaan Melayu yang tulin. Bentuk kebudayaan ini telah diwarisi dari zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Hari ini tarian silat telah berpecah kedalam berbagai bentuk seperti silat cakak, silat gayung dan sebagainya tetapi sifat pentingnya yang asal masih dikenalkan iaitu ia merupakan suatu seni mempertahankan diri (art of self-defence).

Di negeri Kedah seni silat ini telah meresap kedalam kebudayaan orang bukan Melayu khasnya kebudayaan Thai. Orang-orang Thai di sini telah lama berkecimpung dalam seni tetapi bagaimana mula berlakunya demikian susah dapat dipastikan. Ada yang mengatakan bahawa ceritanya bermula dengan seorang tua bangsa Thai yang ingin mencubakan kehandalan dalam pertarungan dengan seorang Tok Guru Silat Melayu. Tetapi diakhir perlawanan itu dia terpikat dengan kebolehan Tok Guru itu dan terus

menjadi anak muridnya. Akhirnya ilmu silat ini diperkembangkan dikalangan masyarakat Thai oleh orang tua ini dan di hari ini penceburan mereka dalam bentuk kebudayaan ⁱⁿⁱ menjadi begitu mendalam sehingga seni silat ini dianggap oleh mereka sebagai satu bentuk kebudayaan Thai sendiri.

Alat-alat muzik yang digunakan adalah sama saja dengan yang dipakai oleh orang Melayu iaitu gendang panjang, gong dan serunai. Pakaian dalam silat ini juga tidak berbeda dengan pakaian silat Melayu; berbaju dan bersampin hitam, memakai tengkolok dan mengikat pinggang dengan kain panjang. Cara persembahan, gerakgeri tarian serta tempo muzik adalah sama dengan orang Melayu.

Dengan itu jelaslah bahawa silat ini merupakan satu bentuk kebudayaan yang telah diassimilasikan oleh masyarakat Thai dengan bulat-bulat. Di negeri Kedah sekarang ini terdapat tidak kurang dari lima kumpulan seni silat 'ala-Siam' seperti ini. Barangkali yang paling popular sekali ialah satu kumpulan yang terdapat di Bagling. Di sini permainan seni pedang biasanya dipersembahkan disamping pertunjukan silat itu.

v. Ramvong


Ini merupakan satu bentuk tarian kebudayaan yang masih dikenalkan oleh masyarakat Thai di sini. Tarian ini bercorak "free-style" dengan gerak langkah yang simpel dan biasanya ditarikkan oleh sepasang lelaki dan perempuan. Seperti dengan tarian joget lambak orang Melayu ramvong ini biasanya diadakan secara 'informal' di majlis-majlis

tari menari dan di perayaan-perayaan kebudayaan seperti di hari 'Sengkran' (water festival) dan 'Loy-kratong'.

Tarian ramvong sudah mulai diminati oleh orang-orang Melayu terutamanya negeri-negeri di utara. Pertunjukan ⁱⁿⁱ tidak pernah ketinggalan di Pesta Kedah yang diadakan di Alor Star pada tiap-tiap tahun.

Alor Star merupakan satuan orang lelaki menjadi satu-satunya kelompok sosial dalam hidupnya. Satu dia atau berpasang pasangan dan mengambil kesempatan untuk seolah-olah mereka bersama-sama "bersatu" kepada mereka sendiri seluruhnya dengan makna kehidupan semi sukarela tiga minggu.

1. SEORANG SAMI THAI



Adat Thai mewajibkan setiap orang lelaki menjadi sami sekurang-kurangnya sekali dalam hidupnya. Sami di atas berumur tujuh tahun dan mengambil kesempatan cuti sekolahnya untuk mendatangkan 'merits' kepada ibubapa serta keluarganya dengan memasuki kehidupan sami selama tiga minggu.

2. TARIAN MANORA



Satu bentuk kebudayaan Thai yang memperlihatkan unsur-unsur assimilasi.

BAB 3

BUDAYA 3. TARIAN RANVONG



Bertukar sifat yang diinginkan merupakan tujuan utama

Tarian ini semakin menjadi popular dikalangan masyarakat Melayu di negeri Kedah.

Menurut seorang ahli dalam bidang antropologi yang sama iaitu Ahmad Zainal Abidin, kebiasaan dari anggota-anggota masyarakat adalah adalah terdiri dari pemain-pemain dan penonton-penonton getah. Anggota penonton mereka tidak jauh berbeza iaitu disekitar RM100.00 hingga RM200.00 (Lampiran A7). Dari segi penjelasan, kebiasaan mereka hanya bersifat-sifat sukariah rendah saja. Oleh demikian, diantara mereka tidaklah wujud apa-apa "intellectual gap".¹² Secara keseluruhan, tanggutan kerana mereka masih juga belum besar. Masalah yang menggiurkan telah menghalang mereka berjaya membentuk suatu sifat sama iaitu di dalam segala aspek hidup dan tindakan sosial. Pengaruh prinsip hidup saling

bergeseran antara disiplin dan teknik di dalam berbagai aktiviti sosial

BAB 6

spesifikasi pengaruh dalam percutian, kerja bersama troyan, dan di dalam
kongsi atau konglomerat kebudayaan bagi penyelesaian dan di majlis-majlis
peristiwa.

Dalam membuat kesimpulan untuk latihan ilmiah ini haruslah
dirujuk kembali kepada tujuan kajian yang dikemukakan dalam perbincangan
awal tadi. Apa yang akan dilihat di sini ialah sejauhmanakah hipotisis-
hipotisis yang dicadangkan itu benar dan tepat di dalam konteks masyarakat
yang dikaji itu.

Orang Melayu dan orang Thai merupakan dua golongan masyarakat
yang berlainan etnik, fahaman ugama, tradisi dan kebudayaan. Namun
begitu mereka dapat mengujudkan satu masyarakat yang stabil dan "integrated".
Apakah faktor-faktor yang menyebabkan integrasi ini?

Dari kajian yang dibuat didapati bahawa kedua kumpulan etnik
ini memperlihatkan banyak persamaan dalam berbagai aspek sosial dan
ekonomi. Pertamanya, mereka terlibat di dalam lapangan pekerjaan yang
sama iaitu dilapangan pertanian. Kebanyakan dari anggota-anggota
masyarakat di sini adalah terdiri dari petani-petani dan penoreh-penoreh
getah. Anggaran pendapatan mereka tidak jauh berbeda iaitu diantara
\$100/- hingga \$200/- (lampiran 17). Dari segi pelajaran, kebanyakan
mereka hanya berkelulusan sekolah rendah saja. Oleh demikian, diantara
mereka tidaklah ujud apa-apa "intellectual gap". Secara keseluruhan,
kegiatan harian mereka adalah juga hampir sama. Keadaan yang sebegini
telah menggalakkan mereka bekerjasama diantara satu sama lain di dalam
segala aspek hidup dan tindakan sosial. Pengamalan prinsip hidup saling

diantara satu sama lain tanpa menghiraukan segala perbedaan yang ada. Hakikat ini dapat digambarkan dengan lebih jelas jika dibuat perbandingan diantara sikap orang Thai terhadap orang Melayu dan terhadap orang China.

Perbandingan seperti ini sasungguhnya adalah sukar dibuat oleh kerana jawapan yang tepat dan "clear-cut" tidak mudah diperolehi. Walau bagaimanapun dari perbualan secara tidak langsung dengan penduduk-penduduk di sini diketahui bahawa hubungan orang Thai dengan Melayu adalah lebih mesra dari hubungan mereka dengan orang China. Pada hal masyarakat Thai dan China ini mempunyai beberapa persamaan, khususnya dari segi keugamaan. Andainya persamaan ini merupakan faktor utama dalam menjelaskan integrasi maka keadaan sebegini seharusnya tidak berlaku. Sebenarnya, timbulnya sikap "negative" orang Thai terhadap orang China di sini adalah disebabkan oleh prasangka mereka terhadap kumpulan itu. Sering sekali orang China dicap sebagai penghisap darah dan penipu oleh kerana hakikat bahawa kebanyakan mereka adalah terdiri dari pekedai-pekedai dan towkay-towkay kebun yang lebih mewah dari segi kedudukan ekonomi. Dalam memberikan pandangan terhadap kaum China orang Thai juga mempunyai tendensi untuk membuat analogi dengan keadaan yang ujud di negara Thai dimana kehidupan petani-petani sentiasa ditekan oleh orang-orang tengah dari golongan China.

Jadi di sini jelas dilihat bahawa persamaan dari segi ugama itu tidak seharusnya menjamin keadaan yang stabil di dalam masyarakat. Sebaliknya, apa yang lebih penting dalam mengeratkan hubungan diantara kumpulan-kumpulan etnik ialah taraf ekonomi, kedudukan sosial dan

politik serta interest yang sama. Dengan itu, hipotisis yang pertama, di dalam konteks masyarakat yang dikaji ini, adalah benar.

Dari perbincangan yang telah dibuat dapat dilihat beberapa unsur kebudayaan Thai yang telah mengalami perubahan. Tetapi kalau diteliti didapati bahawa perubahan ini lebih melibatkan aspek-aspek kebudayaan yang 'bercorak 'material' atau kebendaan. Proses assimilasi telah berlaku dengan jelas sekali dari segi pakaian, makanan dan perhiasan. Demikian juga halnya dengan bentuk budaya seperti seni silat, manora dan wayang kulit. Pembentukan jawatan "Tok Imam" untuk mengendali hal ehwal perkahwinan seperti yang dibincangkan dalam Bab 5 tadi adalah juga dipengaruhi oleh kebudayaan material Melayu.

Sebaliknya terdapat banyak unsur-unsur kebudayaan "non-material" yang dikekalkan dalam corak asalnya oleh masyarakat Thai ini. Pahaman ugama Buddha, kepercayaan terhadap semangat-semangat dan pantang larang-pantang larang yang kolot masih dipertahankan. Ketua Sami Buddha Negeri Kedah yang digelarkan "Chau Khun" masih juga dilantik oleh Jabatan Ugama di Bangkok. Sehingga sekarang ugama Islam belum lagi dapat mempengaruhi orang Thai ini. Sejauhmana yang diketahui hanya seorang saja dari anggota kumpulan ini yang telah memeluk ugama Islam. Ilmu majik dan kebonohan masih lagi dikekalkan dalam bentuk asalnya. Selain dari itu sikap mereka terhadap Raja Thai sebagai pemimpin ugama masih juga tidak berubah. Tetapi dibidang linguistik pengaruh Melayu dapat dilihat dengan agak jelas terutamanya di dalam bahasa pertuturan.

Maka di sini dapat disimpulkan bahawa sungguhpun proses assimilasi

kebudayaan telah berlaku kepada masyarakat Thai ini ianya lebih meliputi kebudayaan yang bercorak kebendaan daripada kebudayaan yang bercorak 'non-material'. Maka hipotisis yang kedua ini adalah benar di dalam konteks masyarakat yang ini.

Implikasi Kajian Terhadap Masyarakat Malaysia

Satu implikasi penting daripada kajian yang dibuat ini ialah bahawa dua kelompok yang berlainan latarbelakang etnik, agama serta kebudayaan dapat mengujudkan integrasi di dalam masyarakat. Apakah hakikat ini dapat diaplikasikan kedalam konteks masyarakat yang lebih besar iaitu masyarakat Malaysia?

Banyak pihak menganggap matlamat untuk mencipta satu "Masyarakat Malaysia" yang tulen sebagai suatu matlamat yang "ideal" oleh kerana struktur dan corak populasi negara yang begitu rumit. Pertamanya, Malaysia merupakan satu masyarakat yang plural. Walau bagaimana harmonious sekalipun perhubungan diantara kaum itu ianya, secara teoretikal, tidak dapat memenuhi segala kondisi asasi konsep 'masyarakat' iaitu "... self-sufficient, internal organisation, territoriality, cultural distinctiveness and sexual recruitment" (Encyclopaedia of Social Science). Selagi masyarakat ini masih bercorak "multi-racial", terjemanya "cultural distinctiveness" adalah agak sukar kerana kebudayaan itu meliputi berbagai aspek yang rumit yang tidak dapat berubah dalam jangka masa yang singkat. Peresapan berbagai golongan etnik kedalam satu budaya dan bahasa juga tidak dapat meyakinkan peresapan perasaan sebab

budaya dan bahasa adalah warisan sosial dan perasaan adalah warisan spiritual.

Untuk membuat analoji keadaan masyarakat yang dikaji ini dengan masyarakat Malaysia keseluruhan memanglah kurang tepat. Perhubungan etnik yang terdapat dalam masyarakat yang dikaji itu merupakan perhubungan diantara kumpulan majoriti dengan kumpulan minoriti. Oleh itu proses integrasi dan assimilasi dapat berlaku dengan lebih mudah. Corak perhubungan etnik dalam masyarakat Malaysia, sebaliknya, tidaklah sebegitu simpel oleh sebab "racial balance"nya yang agak sensitif. Meskipun demikian, secara amnya, faktor-faktor asasi yang mengujudkan perpaduan di dalam kedua masyarakat ini adalah sama. Dalam lain ertikata keujudan satu masyarakat plural Malaysia yang "integrated" bukanlah satu perkara yang mustahil, sekiranya tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil.

Sikap dan Pandangan

Satu langkah yang asasi dalam usaha mencapai matlamat ini ialah mengujudkan semangat persaudaraan dikalangan kaum-kaum yang ada. Sikap "stereotype" seperti bahawa orang Melayu itu pemalas, "dependent" dan "unproductive"; dan orang China itu penipu, pengotor dan unscrupulous harus dihapuskan. Demikian juga prasangka dan salahfaham yang berakibat daripada perbedaan kebudayaan dan kepercayaan. Identiti communal yang selama ini merupakan gejala yang menghalang penjelmaan semangat nasional mesti ditinggalkan. Pengubahan sikap dan pandangan ini boleh disalurkan menerusi berbagai institusi sosial terutamanya institusi

pelajaran.

Kepentingan pelajaran dalam mejudikan integrasi dikalangan kumpulan-kumpulan etnik yang berlainan ini tidak dapat dinafikan. Corak pelajaran yang diterima dapat mengubah sikap dan pandangan serta keperibadian seseorang. Oleh yang demikian, di dalam masyarakat seperti Malaysia dimana pendidikan formal merupakan aspek "essential" kepada proses sosialisasi, dasar pelajaran yang diamalkan itu haruslah kearah mencapai matlamat integrasi. Tempat yang paling efektif untuk menyampaikan semangat perpaduan ini ialah tidak lain dari sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi. Di sini interaksi diantara golongan-golongan etnik yang berlainan ini tidak dapat dielakkan. Basar kerajaan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang tunggal di sekolah adalah satu langkah yang sewajarnya dialu-alukan. Disamping merupakan alat pengetahuan bahasa kebangsaan dapat menjelaskan identiti bangsa dan kebudayaan yang sama dikalangan anggota-anggota masyarakat dari semua lapisan dan kumpulan etnik.

Pengkhususan aliran mengikut golongan etnik masih terdapat dengan begitu luas di institusi-institusi pengajian di negara ini. Sebahagian besar pelajar-pelajar Melayu adalah dari aliran sastera manakala aliran sains dipenuhi dengan penuntut-penuntut China. Keadaan sebegini mestilah dikurangkan supaya jurang perbedaan akibat daripada perbedaan "academic interest" ini tidak menjadi bertambah buruk. Metode "computer-streaming" yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran sekarang ini adalah baik dari segi matlamatnya tetapi tidak seharusnya

dilaksanakan dengan tergesa-gesa. Kecenderungan pelajar-pelajar itu sendiri harus dipertimbangkan kerana kemasukan kedalam aliran sains itu tidak menjamin kejayaan sekiranya pelajar berkenaan itu tidak berminat di dalam matapelajaran tersebut. Tetapi pada keseluruhannya segala usaha kerajaan untuk memperseimbangkan keadaan di bidang ini adalah digalakkan.

Melalui bidang pelajaran juga semangat perpaduan dan perasaan muhibbah dapat disalurkan dengan efektif kepada semua golongan rakyat. Setiap orang penuntut mesti difahamkan akan kepentingan untuk negara yang berbentuk "multi-racial" seperti Malaysia meujudkan integrasi. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat untuk mendokong dan mempertahankan tungan-tungan negara seperti Rukunegara dan Rukun Tetangga. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukunegara bukan saja menekankan perhubungan diantara rakyat dan negara bahkan perhubungan sesama rakyat sendiri. Ditegaskan di dalam Rukunegara bahawa "Kesetiaan ialah jiwa kebangsaan kesetiaan dari hati sanubari kepada Raja dan tanahair inilah yang menyatupadukan kita semua daripada berbagai kaum menjadi satu BANGSA yang bersatu padu." (Mastika, Julai 1971, m.s.41). Tingkah laku kesopanan dan darjah kesusilaan yang tinggi juga adalah prinsip-prinsip asas baki kehidupan yang berpadu.

Ketidakseimbangan Ekonomi

Disamping itu, tindakan-tindakan dinamik bagi mengurangkan jurang perbedaan, khususnya dibidang ekonomi dan sosial, harus diberi keutamaan. Usaha ini sedang diimplementasikan oleh kerajaan tetapi

matlamatnya hanya akan tercapai melalui kerjasama dari semua lapisan masyarakat. Mereka yang berada umpamanya, tidak seharusnya bersikap "ignorant" terhadap usaha-usaha yang diambil bagi meninggikan taraf sosio-ekonomi kaum yang tidak berada. Sebaliknya pula, orang Melayu tidak sepatutnya menyalahgunakan kesempatan-kesempatan yang diberi kepada mereka atau menjadi terlalu "dependant" terhadap pihak berkuasa. Segala bantuan yang diberi itu mestilah dianggap sebagai satu galakan untuk menyemaikan inisiatif diri sendiri.

Andaian bahawa keadaan ekonomi dan peluang hidup yang sama akan menimbulkan integrasi terbukti jelas di dalam masyarakat yang dikaji. Secara amnya, orang Melayu dan Thai telah bergaul di dalam lapangan pekerjaan yang sama iaitu dibidang pertanian. Mereka menghadapi kesulitan dan masalah yang identikal serta mempunyai "economic-interest" yang sama. Diantara mereka tidak ujud ketidakseimbangan ekonomi. Keadaan ini telah menggalakkan proses integrasi dan assimilasi diantara kedua golongan itu.

Satu hakikat yang jelas kelihatan di negara ini ialah pengkhususan pekerjaan mengikut kumpulan etnik. Kebanyakan orang Melayu mencburkan diri didalam bidang pertanian manakala orang China dibidang perniagaan dan perlombongan. Orang India pula dikaitkan dengan kerja-kerja di ladang. Sebahagian besar tenaga kerja di jabatan-jabatan kerajaan adalah terdiri dari orang Melayu tetapi hal sebaliknya berlaku di firma-firma dimana "dominance" kaum China terlihat dengan jelas sekali. Jika ditinjau dengan lebih mendalam lagi didapati bahawa di dalam perkhidmatan awam itu sendiri terdapat pengkhususan kerja mengikut

kumpulan etnik. Perkara sebegini tidak harus dibiarkan berlanjutan. Sebarang usaha untuk menghapuskan jurang perbedaan ekonomi diantara kaum mestilah dimulakan dari sekarang. Setiap orang dari semua suku bangsa dan lapisan masyarakat, baik China atau Melayu, pelajar atau perajurit, pedagang atau petani, buruh atau pegawai - masing-masing mempunyai peranan dalam usaha untuk menjadikan matlamat ini satu realiti.

Masaalah kedudukan ekonomi yang tidak seimbang sememangnya adalah satu masalah yang paling mendesak di negara ini, disamping hakikat peluang pelajaran dan pekerjaan yang tidak sama. Masaalah ini tidak boleh diketepikan oleh kerana perpaduan negara dan perseimbangan ekonomi adalah tali bertali dan sandar menyandar. Perpaduan negara akan terancam sekiranya perseimbangan ekonomi tidak diperbetulkan.

Usaha-usaha yang dijalankan untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi orang Melayu ini walau bagaimanapun akan tergendala sekiranya rakyat Melayu sendiri tidak menukar sikap mereka. Bangsa Melayu sebenarnya bukanlah bangsa 'pemalas' seperti mana yang di "stereotype"kan. Tetapi sebaliknya, mestilah diakui akan sifat jimat cermat dan rajin usaha orang China. Bila mereka dipanggil ke Tanah Melayu, khasnya dalam kurun kesembilanbelas, orang China terpaksa menyesuaikan diri dengan iklim pembangunan politik-ekonomi-sosial di bawah naungan British. Tegasnya, mereka bergerak dan bertindakbalas secara positif, realistik dan pragmatik kearah orientasi pembaratan, pembandaran serta pemodenan. Dengan sikap dan semangat berdikari, imajinatif, jimat cermat dan rajin usaha, mereka menjadi lebih makmur kehidupannya berbanding dengan orang

Melayu, meskipun pada permulaannya keadaan mereka lebih buruk daripada orang Melayu. Hakikat ini patut dijadikan contoh oleh orang Melayu dan kaum lain yang tidak berada kerana tanpa sikap dan inisiatif ini segala peluang-peluang yang diberikan itu tidak akan berhasil sebagaimana yang diharapkan.

Politik bercorak perkauman

Politik negara yang terlalu bercorak perkauman adalah menjadi satu halangan besar kepada proses integrasi. Tidak dapat dinafikan bahawa satu sebab penting yang mencetuskan peristiwa 13 Mei pada tahun 1969, ialah corak politik yang terlalu "racial". Dalam kempen-kempen pilihanraya sebelum itu soal-soal perkaumen yang sensitif sangat suka dibangkitkan oleh ahli-ahli politik. Setiap parti menganggap dirinya sebagai tempat perlindungan masing-masing kaum. Parti PAS mendukung aspirasi orang-orang Melayu dan Islam, sementara PPP, Gerakan dan DAP sering membangkitkan soal "legitimacy" hak istimewa kaum bumiputra. Hanya parti Perikatan saja yang boleh dianggap melambangkan sifatnya yang "multi-racial". Keputusan pilihanraya juga mencerminkan sikap perkauman penduduk-penduduk di negara ini. Dikawasan-kawasan bandar kebanyakannya dari calun-calun yang berjaya adalah calun China dan di kawasan-kawasan luarbandar pemilihan calun Melayu jelas ternyata. Dalam pilihanraya 1974 kejayaan Barisan Nasional yang begitu cemerlang adalah disebabkan, diantara lainnya, oleh corak parti itu yang melambangkan masyarakat Malaysia sebenarnya. Komponen-komponen Barisan ini yang berjumlah 9 parti kesemuanya adalah mewakili semua kaum yang ada di negara ini.

Kejayaan Barisan Nasional ini walau bagaimanapun tidak menunjukkan bahawa perpaduan rakyat dari segi politik telah tercapai seratus peratus. Jika diteliti terlihat dengan jelas bahawa pencalunan serta pemilihan calun-calun masih memperlihatkan tanda-tanda perkauman. Orang Melayu tidak bertanding di kawasan-kawasan bandar dimana kebanyakannya pengundi-pengundi disitu terdiri dari orang-orang China. Perkara sebaliknya berlaku di kawasan-kawasan majoriti Melayu.

Pengelakan dari politik yang bercorak 'racial' ini memanglah suatu perkara yang sukar dibuat di dalam negara seperti Malaysia ini. Orang Melayu yang telah kehilangan kuasa ekonomi tidak ingin melihat kuasa politik mereka juga terjejas. Kaum-kaum yang lain pula tidak mahu mengundur diri samasekali daripada arena politik untuk menjaga kedudukan dan kepentingan mereka. Tetapi asalkan tidak adanya politik perkauman yang terlalu "extreme" integrasi dikalangan kumpulan-kumpulan etnik yang ada masih dapat diujudkan. Di sinilah terletaknya peranan kepimpinan. Pemimpin-pemimpin, sebagai pengasas dasar dan sistem politik negara harus menjadi contoh kepada rakyat semua. Segala usaha untuk hidup bersatupadu semestinya bermula dari pihak-pihak atas. Sebaliknya setiap orang pemimpin yang terpilih itu harus dianggap sebagai pemimpin kepada semua rakyat dan bukan sesuatu golongan yang berkenaan saja.

Kebudayaan Malaysia

Selain dari itu usaha yang positif untuk mengassimilasikan semua kumpulan etnik kedalam satu kebudayaan yang tunggal yang berdasarkan

kebudayaan Malaysia harus diikhtiarkan. Tidak dapat dinafikan bahawa ini adalah satu perkara tidak mudah. Sebaliknya pula ianya bukanlah sesuatu yang mustahil berlaku. Kalau proses assimilasi telah berlaku dengan efektif sekali di negara seperti Thailand, Vietnam dan Indonesia tidak mengapa gejala yang sama tidak boleh juga berlaku di Malaysia, sungguhpun ini mungkin mengambil masa yang lebih panjang oleh kerana komposisi penduduk dan corek budaya negara ini. Di dalam masyarakat yang dikaji tadi telah dilihat unsur-unsur kebudayaan sesuatu kaum, terutamanya kebudayaan yang bercorak kebendaan, telah berubah bentuk untuk disesuaikan dengan kebudayaan kumpulan 'dominant'. Ini memberi implikasi bahawa assimilasi kebudayaan juga boleh berlaku di dalam masyarakat Malaysia keseluruhannya sekiranya tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil.

6. Purwoval, *Malaya and Singapore, Cambridge, University Press, 1961.*
7. Githongo, *Introduction to Sociology, Cambridge University Press, 1964.*
8. Gordon, R., *Integration in American Life, Ballantine Books, 1964.*
9. Harkovitz, Horville, *Man and His Works, N.Y., 1964.*
10. Rustin Ali S., *Social Stratification In Economic Areas, Monograph of Malaysian British Royal Asiatic Society, Singapore, 1964.*
11. John Ross, "The Pictorial Society in Sociological Theory", dalam *British Journal of Sociology*, Vol.11, "1969.
12. Krush, Crotchfield, *Individual In Society*, McGraw Hill, Tokyo, 1962.
13. Kroeber, Kinde, *Basic Sociology*, Random House, N.Y., 1970
14. Mason, Phillip, *An Essay on Social Tension*, London, 1954.
15. Malcolm Gross, "On Conflict, Race Relations and The Theory of the Pictorial Society", *dim. Engg. Vol. 22, April 1971, no.4.*

18. Nash, Manning (ed.)

BIBLIOGRAFI

Buddism, N.Y., 1970.

1. A. Kahar Bador, Political Authority and Leadership in Perak, Malaysia, Institute of Developing Economies, Tokyo, 1970.
2. Banton Michael, Race and Culture, Free Press, N.Y. 1950.
3. Bershe, Vanden, Race and Racism, N.Y., J.Wiley, 1967.
4. Blalock, Humbert, Towards a Theory of Minority Group Relations, John Wiley & Sons, N.Y. 1967.
5. Borgadas, E., Measuring Social Distance, Sociology and Social Research, Freeport, N.Y. 1933.
6. Chew Hock Tye, Masaalah Perpaduan Nasional, 1972.
7. Freedman, N. "The Growth of Plural Society in Malyas" dalam Pacific Affairs, 33, June 1961.
8. Furnival, Netherlands India, Cambridge, University Press, 1967.
9. Golthorpe, Introduction to Sociology, Cambridge University Press, 1968.
10. Gordon, N. Assimilation in American Life, O.U.P. N.Y. 1964.
11. Herskovits, Merville, Man and His Works, N.Y. 1964.
12. Husin Ali S. Social Stratification in Kampung Bagan, Monograph of Malaysian British Royal Asiatic Society, Singapore, 1964.
13. John Rex, "The Plural Society in Sociological Theory", dalam British Journal of Sociology, Vol. 12, 1969.
14. Krech, Crutchfield, Individual in Society, McGraw Hill, Tokyo, 1962.
15. Kurokawa, Mineko. Minority Responses, Random House, N.Y. 1970
16. Mason, Phillip, An Essay on Racial Tension, London, 1954.
17. Malcolm Cross, "On Conflict, Race Relations and The Theory of the Plural Society", dlm. Race, Vol. XIII, April 1971, no.4.

18. Nash, Manning (ed.) Anthropological Studies in Therrawadda Buddhism, N.Y. 1970.
19. Newman, J. Race, Migration and Integration, N.Y. 1970.
20. Phillips, Herbert: "The Thai Peasant Personality" in Siamrat, Bangkok, 1970.
21. Rattnam, K.J. Communalism and the Political Process in Malaya, University Press, 1965.
22. Shermerhorn, R.A. Comparative Ethnic Relations - A framework for theory and Research, N.Y. 1970.
23. Skinner G. William Chinese Society in Thailand: An Analytic History Ithaca, 1957.

3. Bahasa pulih yang anda kuasai
- Bahasa Malaysia
 - Bahasa Thai
 - lain-lain
4. Bahasa mana yang digunakan
- Bahasa Malaysia
 - Bahasa Thai
 - lain-lain
5. Bahasa lain yang anda kuasai
- Bahasa Malaysia
 - Bahasa Thai
 - Tidak ada
6. Apakah maklumat ini untuk kerjaya dan pelajaran
- Sekolah Tinggi Kebangsaan
 - Sekolah dasar Jenis Kebangsaan
 - Sekolah Menengah Rendah
 - Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
 - Institusi Pengajian Tinggi/ Universiti
7. Apakah pendapat anda tentang keadaan nasional?
- Bangkit setuju
 - setuju
 - Tidak setuju

8. Apakah bahasa yang anda pelajari
dalam persekolahan dan pengajian anda?

SOALSELIDIK

1. Bahasa Malaysia

**Kajian Mengenai Integrasi dan Assimilasi
di Pekan Naka, Kedah, 1975**

Bahagian A

1. Kumpulan etnik responden: / i. Melayu
ii. Thai
iii. Lain-lain
2. Apakah ugama anda? i. Islam
ii. Buddha
iii. Lain-lain
3. Sebutkan pekerjaan anda
4. Bahasa utama digunakan i. Bahasa Malaysia
ii. Bahasa Thai
iii. Lain-lain
5. Bahasa lain yang anda boleh tutur i. Bahasa Malaysia
ii. Bahasa Thai
iii. Tidak ada
6. Apakah kelulusan anda dari segi pelajaran? i. Tidak tamat
ii. Sekolah Rendah Kebangsaan
iii. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
iv. Sekolah Menengah Kebangsaan
v. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
v. Institusi Pengajian Tinggi/
Universiti
7. Apakah pendapat anda tentang kahwin campuran? i. Sangat setuju
ii. setuju
iii. tidak setuju

Bahagian B

8. Apakah bahasa yang anda selalu gunakan dalam pergaulan anda?

- i. Bahasa Malaysia
- ii. Bahasa Thai
- iii. Kedua-duanya
- iv. Lain-lain bahasa

9. Siapakah jiran sebelah rumah anda?

- i. Orang Melayu
- ii. Orang Thai
- iii. Orang Melayu dan Thai
- iv. Lain-lain

10. Pernahkah anda menerima undangan

- (a) kemajlis perkahwinan orang Melayu? (Bagi responden Thai)
- (b) kemajlis perkahwinan orang Thai? (Bagi responden Melayu)

..... Ya / Tidak

11. Adakah anda pernah turut serta di dalam

- (a) perayaan Hari Raya kawan-kawan Melayu anda (Bagi responden Thai)
- (b) perayaan ugama dan kebudayaan di Wat? (Bagi responden Melayu)

..... Pernah / Tidak pernah

12. Mana satu dari permainan-permainan di bawah yang anda gemari dan sertai (tandakan)

- i. sepak takraw
- ii. bola sepak
- iii. tomoi (boxing Siam)
- iv. silat gayung
- v. layang-layang

13. Suasana kecemasan/menghadapi apa-apa kesulitan dari siapa anda selalu minta bantuan?

- i. Orang Melayu
- ii. Orang Thai

14.a) Adakah anda seorang ahli apa-apa persatuan

- i. Ya
- ii. Tidak

b) Kalau ya, apakah persatuan itu?

15. Apakah pendapat anda dengan orang-orang asing yang memeluk agama Islam?

- i. singkirkan dari masyarakat
- ii. tidak mengapa

16. Pernahkah anda sertai di dalam projek-projek kerjasama seperti gotong royong dsbnya.?

- i. Ya
- ii. Tidak

17. Berapakah anggaran pendapatan anda sebulan?

- i. \$100/- dan bawah
- ii. \$100/- hingga \$200/-
- iii. \$200/- hingga \$300/-
- iv. \$300/- keatas

18. Di bawah siapakah anda bekerja?

- i. Orang Melayu
- ii. Orang Thai
- iii. Orang China

Bahagian C

19. a. Adakah anda anggota mana-mana parti politik?

- i. Ya
- ii. Tidak

b. Kalau ada, sebutkan nama parti itu

20. Apakah taraf anda dalam parti tersebut?

- i. AJK Cawangan
- ii. Ahli aktif
- iii. Ahli biasa/tidak aktif

21. Beri sebab-sebab mengapa anda memilih parti tersebut

.....

.....

22. Bagaimanakah anda mengikuti perkembangan politik negara?

- i. surat khabar
- ii. radio
- iii. kawan-kawan
- iv. lain-lain

23. Adakah anda mengikuti perkembangan politik negara Thai?
(Bagi responden Thai saja)

- i. Ya
- ii. Tidak

24. Bagaimanakah perhubungan anda dengan wakil rakyat?

- i. sangat baik
- ii. baik
- iii. kurang baik
- iv. tidak ada

25. Siapakah Perdana Menteri Thai sekarang ini? (Bagi responden Thai)

- i. Thanom Kitikachorn
- ii. Seni Pramoj

26. Apakah warna kad pengenalan anda?

- i. biru
- ii. merah

27. Apakah anda memiliki tanah di rancangan-rancangan seperti FELDA,
FELCRA dan RISDA?

- i. Ya
- ii. Tidak

28. Dari siapakah yang anda lebih suka meminjam wang/menyewa tanah?

- i. Orang Melayu
- ii. Orang Thai
- iii. Orang China

29. Adakah anda seorang ahli mana-mana syarikat kerjasama?

- i. Ya
- ii. Tidak

30. Bagaimanakah hubungan anda dengan orang China di sini?

- i. mesra
- ii. kurang mesra
- iii. tidak ada hubungan langsung